



PENYATA RASMI

**MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KEEMPAT BELAS**

7 MAC 2023 (SELASA)

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERIP
ULAU PINANG**

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA PENGKAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

7 MAC 2023 (SELASA)

Kandungan	Muka Surat
Kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat	1 - 2
SOALAN-SOALAN LISAN	
Soalan No. 14 - Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena binti Abd. Rashid)	3
Soalan No. 15 – Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye)	5
Soalan No. 16 – Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee)	7
Soalan No. 17 – Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Gooi Zi Sen)	9
Soalan No. 18 – Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng)	10
Soalan No. 19 – Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil)	12
Soalan No. 20 – Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a.l Munindy)	14
Soalan oO. 21 – Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd Noor)	16
Soalan No. 22 – Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni bin Mat Piah)	18
Soalan No. 23 – Ahli Kawasan Sungai Pihang (YB. Lim Siew Khim)	21
Pengumuman Oleh YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri	21 - 22
PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG 2024 OLEH YB. TIMBALAN KETUA MENTERI I	24 - 28

Kandungan	Muka Surat
Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Hussain) mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang	28 - 29
Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamd Yusoff bin Mohd Noor) mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang	29 - 30
Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil) mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang	30 - 32
Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin) mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang	33
Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir bin Aziz) mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang	33
Penggulungan Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2023	34 - 35
Pengumuman Pelantikan Ahli Dewan Negara oleh Y.A.B. Ketua Menteri	38
Usul Tanpa Pemberitahu oleh Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng)	39 - 40
Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni bin Mat Piah) mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Tanpa Pemberitahu	41 - 43
Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil) mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Tanpa Pemberitahu	44 - 46
Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Tanpa Pemberitahu	46 - 48
Y.A.B. Ketua Menteri mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Tanpa Pemberitahu	48 - 49
Penggulungan Usul Tanpa Pemberitahu oleh Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng)	49 - 51
Ucapan Penangguhan oleh Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)	52 - 53
DEWAN DITANGGUHKAN	

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT KETIGA PENGKAL PERSIDANGAN KEEMPAT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 7 MAC 2023 (SELASA)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Persidangan
Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggai
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
5.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
6.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
7.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
8.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjong Bunga
9.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
10.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
11.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
12.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
13.	YB. Dato' Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
14.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
15.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
16.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
17.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
18.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
19.	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
20.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
21.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
22.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
23.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
24.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
25.	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir
26.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
27.	YB. Dato' Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
28.	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
29.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
30.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
31.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
32.	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
33.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
34.	YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
35.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
36.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan
1.	YB. Dato' Mohd. Sayuthi bin Bakar	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Norazmi bin Mohd. Narawi	Penasihat Undang–Undang Negeri
3.	YB. Puan Zabidah binti Safar	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Puan Hasma binti Hashim	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Meor Hamzah bin Abdullah Sani	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.35 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.
Bacaan Doa.

Timbalan Setiausaha Dewan:

“Bacaan Doa.”

Setiausaha Dewan:

Soalan lisan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, soalan 14.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena binti Abdul Rashid):

Assalamualaikum. Salam Mutiara, Salam Malaysia Madani. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 14. Terima kasih Yang Berhormat kerana sempat balas.

No. 14. Apakah perancangan untuk menaik taraf Astaka Taman Tun Sardon? Tandas awam yang dibawah seliaan MBPP berada dalam keadaan yang amat memalukan dan tidak mencerminkan imej hub pelancongan makanan. Astaka perlu diubahsuai supaya mengikut keperluan semasa dan menambahkan number gerai supaya dapat menempatkan peniaga-peniaga tidak berlesen di sekitar kawasan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan kepada rakan saya daripada Seri Delima. *Thank you very much for the question.* Soalan yang penting walaupun khusus kepada satu tempat iaitu di Astaka Taman Tun Sardon dan perancangan kita daripada pihak Kerajaan Negeri untuk kita pastikan tidak dicerminkan imej hub-hub pelancongan makanan kita sebagai tidak sesuai dan juga bagaimana kita hendak tempatkan peniaga kita yang tidak berlesen. *It is very important question* yang menyentuh beberapa portfolio kita, saya iaitu dari segi peniaga-peniaga yang tidak berlesen. Dato' Speaker, ingin saya nyatakan dan saya telah nyatakan bahawasanya kita sedang lihat bagaimana kita boleh lihat kepada satu kaedah untuk pastikan mereka ditempatkan di tempat yang lebih baik. *I said yesterday if I'm not mistaken* dengan izin bahawasanya kita akan lihat kepada tempat-tempat yang lebih besar, lebih luas untuk mereka apabila mereka ditempatkan semula saya nyatakan itu dalam jawapan saya kepada Pulau Tikus berkenaan *Gurney Wharf. That is an example* tetapi ini adalah satu prinsip dasar kita sekarang yang mana kita lihat kepada semua tempat termasuk Tun Sardon. *I'm very happy* dengan soalan daripada Yang Berhormat Syerleena. *Thank you very much* kerana ingin saya nyatakan apabila kita lihat kepada bagaimana kita boleh boleh baik pulih dan jaga dan pelihara peniaga-peniaga kita Taman Tun Sardon *for your information* Dato' Speaker, *was the first that we went to look into* bagaimana ia boleh jadi satu Pasar Pintar. Itu adalah selaras dengan Kerajaan Negeri dan Visi Pulau Pinang 2030 di mana kita

mempunyai payung iaitu kita hendak menjadi satu Negeri Hijau, Negeri Pintar, negeri berfokuskan keluarga *and that was the first and that was before....*(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Datok Keramat bagi jawapan *direct*.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya akan bagi jawapan *but I think just before the jawapan I'll come the jawapan. jawapan short but I think the background to the jawapan is important. Before that, it was before the pandemic* dan kita sudah pun mula dengan kerja sebegitu rupa dan kita akan teruskan dengan itu dan sekiranya kita hendak jawapan saya akan bagi jawapan di mana kompleks makanan di Taman Tun Sardon sememangnya dalam payung kita itu sudah pun dikenal pasti sebagai satu tumpuan hub pelancongan makanan, *no issue*. Dan kita sedang lihat bukan saja di situ tetapi di ratusan tempat di lima daerah di Pulau Pinang. *Let me be very clear about that* Dato' Speaker, dan kita akan teruskan penaiktarafan sedang dilihat di semua tempat bukan sahaja di situ tetapi di situ kita sudah pun melihat kepada bagaimana kita boleh menambah baik Dato' Speaker dengan melihat kepada lebih unik, melihat kepada apakah kerja pembaikan yang boleh dibuat seperti penggantian siling seperti kerja pengecatan semula, *hand drill*, penurapan jalan, pembaikan lantai. Ini semua khusus tetapi saya hendak nyatakan kepada semua ini sedang dibuat di seluruh Negeri Pulau Pinang dan kita akan terus. MBPP sekarang sedang melihat proses juga peningkatan tahap kebersihan tandas awam kita di atas arahan Kementerian Pusat di mana kita dilihat sebagai satu contoh *in fact for your information* Dato' Speaker, *so for Taman Tun Sardon we will come down, we will look, and we will monitor in fact decision has been made* dengan izin dan kita akan teruskan untuk pelaksanaannya. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jawi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena binti Abdul Rashid):

Saya ada soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sikit saja saya bagi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena binti Abdul Rashid):

Sikit saja. Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi jawapan yang amat-amat bagus. Memang Astaka Taman Tun Sardon itu adalah sebuah kompleks yang kita boleh kita katakan hub pelancongan makanan. Orang kata kalau pergi ke mana-mana di Malaysia, orang ingat serabai Astaka Taman Tun Sardon tapi memandangkan astaka tersebut telah dibina pada tahun 80-an ia sangat-sangat memerlukan sebuah kompleks yang baru. Jadi bila kita tengokkan contohnya *Market Chowrasta* dan juga baru-baru ini Astaka *Hillside* di Tanjong Bunga, saya rasa kalaulah kita hendak menuju ke arah ke depan sebuah astaka yang baharu dan juga dapat menempatkan semua penjaja-penjaja dan pada masa sama menjadikan sebuah kompleks yang *accessible* dengan izin kepada orang OKU, warga emas dan sebagainya *that would the best solution I feel* dengan izin. Saya harap cadangan ini dapat

diberi pertimbangan semua pihak yang berkenaan. Jadi soalan saya, adakah kompleks baharu itu di dalam perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Sememangnya saya menunggu soalan itu daripada Seri Delima. *Thank you very much.* Saya ada satu perancangan untuk menamakan dan menjenamakan semua astaka kita bukan saja sahaja sebagai astaka tapi daripada sekarang sudah pun lama kita hendak jenamakannya sebagai Astaka Emas supaya ia *be move forward* lagi *like you just said.* Kita hendak pergi ke depan mara ke hadapan itu agenda kita di Pulau Pinang so kita akan ada tidak lama lagi astaka-astaka kita di seluruh Pulau Pinang yang ada pengiktirafan Astaka Emas. *That is our standard.* Itulah apa yang saya akan buat. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Jawi, sila.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye)

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Salam Harapan, Malaysia Madani. Soalan saya, soalan nombor 15.

- No. 15. Apakah status pengoperasian Tapak Pelupusan Sampah (TPS) di Pulau Burung? Nyatakan tempoh sel 1 yang masih dapat digunakan.
- (a) Berapakah masa diperlukan bagi menyiapkan sel 2 dan jumlah perbelanjaan yang perlu dikeluarkan?
 - (b) Bilakah RFP yang baharu akan dibuka bagi TPS Pulau Burung dan nyatakan teknologi yang diperlukan?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima kasih kepada rakan saya daripada Jawi dan Dato' Speaker, *thank you very much.* Ini adalah satu soalan yang penting juga iaitu berkenaan pengoperasian tapak-tapak pelupusan saya secara khusus soalan daripada Jawi adalah di Pulau Burung kawasan beliau dan apakah statusnya?

Dato' Speaker, ingin saya nyatakan pengurusan sisa pepejal adalah salah satu keutamaan bagi Kerajaan Negeri kita di mana kita akan pastikan bahawasanya kita akan berikan perhatian kepada semua fasiliti dan pelbagai fasiliti pengurusan tersebut termasuk di Pulau dan juga di bahagian Seberang dan kita sedang lihat sekarang kepada pelbagai langkah yang sedang kita cuba muktamadkan dengan secepat mungkin untuk proses tersebut untuk pengambilalihan operator dahulu di bahagian Seberang ingin saya nyatakan kepada semua MBSP atau pun Majlis Bandaraya Seberang Perai telah pun sejak 1 Ogos 2022 mengoperasikan di mana mereka telah pun melihat kepada satu, saya, saya percayalah satu prestasi yang baik *it's not easy* ini bukan satu kerja yang senang Dato' Speaker tapi saya hendak tabik kepada MBSP pada pagi ini kerana kerja mereka yang kuat yang lihat pada hasil *and we are now* dalam proses Dato' Speaker 100% sampah yang dihantar ke TPSB ataupun di tapak pelupusan sampah di Pulau Burung di Sel 1 Fasa 3 berdasarkan *trend* pelupusan sampah yang terkini, Sel 1 kita jangka mempunyai hayat sehingga awal tahun 2024 sahaja *that's the issue, that become the issue the timing so we need to work quickly to ensure that we can move forward once that time comes but at least for all everyone information* setelah kita telahpun tamatkan perjanjian dengan kontraktor yang lain kita teruskan dengan apa yang kita buat dan kita lihat bahawasanya ia boleh dibuat dan ia akan terus kita buat. *That's the*

reason why saya pun sudah mencadangkan mungkin untuk bahagian pulau juga, kita lihat dan kita ada pelbagai cadangan yang sedang dikaji dan kita akan lihat bagaimana, apa yang berlaku, saya hendak teruskan dengan soalan tersebut.

Untuk Sel 2 Dato' Spekaer, kita perlu dalam 12 bulan dengan kos sebanyak hampir RM46.5 juta Dato' Speaker dan pihak Kerajaan Tempatan kita akan selaraskan *RFP* atau pun *Request For Proposal* untuk TPSB tersebut dan kita sudah pun ada satu jawatankuasa untuk lihat bagaimana kita hendak kaji komponen yang perlu dimasuk, kerana untuk maklumat Dato' Speaker *for this part just for information, everyone's information*, kita hendak pastikan teknologi terbaru akan terpakai akan dipakai di dalam semua pengurusan sisa pepejal kita *that is the most important thing, we are working on it and we want to get the best result and the best result must be using the best and most recent technology and we are looking at many countries Dato' Speaker and I believe we can achieve it*. Merujuk pada kajian *roadmap* kita iaitu *roadmap* pengurusan sisa pepejal Penang kita telah pun ada pihak yang sedang melihat pada itu yang mana saya nyatakan pelbagai teknologi baru akan dimasukkan kepada *roadmap* tersebut Dato' Speaker. Saya akan laporkan setelah kita selesaikan dan muktamadkannya. Dan untuk makluman semua kita lihat pada *RFP* yang penting kita hendak lihat pada garis masa *RFP* bagi projek tersebut kita jangka buka akan dibuka pada Jun 2023 *so we hope by 2023 June that we will at least move on and of course I cannot repeat again and again but I have said before I don't want to repeat it again, but we will use the best technology available in the world to be here in Penang, thank you*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, sila.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Terima kasih Datok Keramat memberi jawapan yang jelas tapi soalan saya seterusnya adalah berkaitan dengan apakah perancangan kontingensi bagi memastikan pengurusan sisa pepejal tidak terjejas dan sebentar tadi kita dapat dengar bahawa Datok Keramat memberitahu bahawa akan menggunakan teknologi yang baru untuk pengurusan di TPS Pulau Burung dan sekiranya teknologi baru digunakan pada masa hadapan adakah *tipping fee* yang dikutip sekarang oleh PBT dapat menampung dengan segala perbelanjaan di TPS dan juga *RFP* akan dibuka pada Jun 2023 boleh tak bagi satu tempoh berapa lamakah dalam tempoh *RFP* ini akan siap dan akan dapatkan pelantikan satu syarikat yang baru, terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Sepertimana saya nyatakan rakan saya daripada Jawi kita sudah pun ada tempoh untuk selesaikan perkara ini. Walaupun akan dibuka *RFP* untuk projek tersebut Jun 2023 kita akan lihat kepada bagaimana ia boleh dilaksanakan mengikut undang-undang *because RFP we go through Penang we go through law, so RFP is important we go through the RFP according to the process, if it can be expedited let's say if there is not many contenders if I can say* dengan izin maka kita melihat bagaimana kita boleh percepatkan tetapi proses adalah menurut undang-undang kita tidak boleh lari daripada itu. Jadi kita perlu lihat pada itu tetapi dalam *RFP* adalah yang terpenting seperti mana Jawi nyatakan, *first of all timeline, yes, second is* syarat-syarat apakah keperluan untuk projek tersebut untuk negeri Pulau Pinang untuk projek tersebut *so we were look into that we definite details we will look into that of course one of these issues will be of course also tipping fees and so on* kita akan lihat pada itu, tetapi itu akan termasuk dalam projek keseluruhan tersebut. Dan kita sedang mara ke hadapan sekarang *and we will get it done as soon as possible and I would like to also say Dato' Speaker for my friend from Jawi, you are always welcome to come and see me or the*

entire States at any time you're part of us and we want to know what your view are always remember that. Thank you.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, Berapit, sila.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Terima kasih Dato' Speaker, soalan saya No. 16.

- No. 16. Nyatakan projek-projek infrastruktur yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan tetapi masih ditunda dengan terperinci termasuk kos dan jangkaan siap.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima kasih Yang Berhormat Berapit, terima kasih Dato' Speaker atas soalan. Antara projek yang telah dijanjikan namun masih belum dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan pada untuk Negeri Pulau Pinang adalah melibatkan penstrukturan semula air di Pulau Pinang yang telah pun dimeterai pada tahun 2011, berhubung penstrukturan semula ini antara perkara yang telah dijanjikan adalah Projek Pembesaran Empangan Mengkuang yang melibatkan empat fasa iaitu Fasa 1, Fasa 2A, Fasa 2B, Fasa 2C dengan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion. Ini semua telah dipersetujui pada waktu itu dan surat secara rasmi yang menyatakan persetujuan telah pun diperolehi daripada Kementerian. Projek Fasa 1 yang melibatkan pembesaran empangan telahpun siap pada 10 April 2017, manakala projek Fasa 2A iaitu penaiktarafan Rumah Pam Mak Sulong telah pun siap pada 28 September 2017. Kerja-kerja bagi projek Fasa 2B yang melibatkan penyaluran air mentah dari Stesen Pam Mak Sulong ke terusan Sungai Dua kini sedang berjalan di tapak dan dijangka siap pada bulan Ogos 2023 dan dengan siapnya projek ini maka kita akan memperolehi tambahan 300mld yang dapat dipindahkan daripada Empangan Mengkuang ke Loji Rawatan Air Sungai Dua. Projek Fasa 2C pula yang melibatkan pembinaan Rumah Pam Lahar Yooi telah ditangguhkan, Bahagian Bekalan Air Kementerian Sumber Asli Alam Sekitar dan Perubahan Iklim telah memaklumkan melalui surat bertarikh 3 Februari 2023 baru bulan lepas kepada Kerajaan Negeri bahawa Fasa 2C iaitu pembinaan Rumah Pam Lahar Yooi tidak boleh dilaksanakan kerana kapasiti air yang boleh diambil dari sungai Muda sudah hampir mencapai paras maksimum, tapi projek ini adalah sangat penting kerana ia membolehkan PBA untuk mengekstrak air mentah dari Sungai Muda semasa musim tengkujuh iaitu dari bulan April hingga Mei dan juga September hingga November. Mungkin depa tak faham, kita bukan nak mengekstrak air sepanjang tahun. Kita faham bahawa adakalanya air dalam Sungai Muda tu tidak mencukupi untuk diekstrak namun kita sebenarnya Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengambil air hanya semasa musim hujan apabila air melimpah di Sungai Muda dan kita semua tahu air yang melimpah tu akan menjadi air yang dibazirkan kerana tidak dapat digunakan.

Jadi semasa musim tengkujuh itu air yang melimpah ke laut bolehlah kita ekstrak untuk disimpan dalam Empangan Mengkuang supaya kita boleh menggunakan apabila perlu dan Empangan Mengkuang pula akan menyalurkan air semasa musim kemarau ke Loji Rawatan Air Sungai Dua atau semasa krisis sekiranya mengalami krisis dan dengan siapnya Fasa 2B tadi maka kita boleh menyalurkan sebanyak 600mld sehari dan anggaran kos bagi pembinaan Rumah Pam Lahar Yooi ni dengan kapasti 440mld adalah sebanyak RM80 juta. Kerajaan Negeri akan meneruskan rayuan kepada Kerajaan Persekutuan berhubung perkara ini bagi memberikan membolehkan pengisian semula Empangan Mengkuang yang lebih pantas dengan sumber air kedua iaitu Sungai Muda. Terima kasih Yang Berhormat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, sila

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Terima kasih kepada Tanjong Bunga atas jawapan diberikan tapi di sini kita nampak isu bekalan air menjadikan satu isu yang amat prihatin oleh warga Pulau Pinang sejak gangguan bekalan air berlaku selepas banjir di Baling dan soalan saya di sini adalah apakah status rundingan Negeri Pulau Pinang bersama dengan Negeri Perak atas isu penggunaan air mentah Sungai Perak dan juga apakah status projek-projek di bawah *Raw Water Contingency Plan 2030*, terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima kasih Yang Berhormat Berapit, untuk isu pemindahan air Sungai Perak dia sebenarnya Kerajaan Negeri telah mengenal pasti Sungai Perak sebagai sumber air yang sangat penting, yang sangat diperlukan bagi menampung keperluan air Negeri Pulau Pinang pada masa depan. Namun begitu rundingan bersama Kerajaan Negeri Perak walaupun Kerajaan Negeri telah cuba dengan beberapa orang Menteri Besar dah tukar beberapa kali namun sehingga hari ini masih belum berjaya dan yang terbaru, terkini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah menulis surat kepada Menteri Persekutuan bagi meminta bantuan pihak kerajaan untuk menjadi perantara untuk memanggil sebuah perbincangan tiga pihak bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Perak juga, jadi kita sama-sama menantikan dan mengharapkan agar Kerajaan Persekutuan dapat membantu dalam hal ini. Isu mengenai *Raw Water Contingency Plan* yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi sebenarnya oleh kerana pemindahan air Sungai Perak tidak dapat dilaksanakan dengan kadar segera maka pihak PBA telahpun merangka satu pelan alternatif yang dipanggil *Raw Water Contingency Plan 2030* dan antara skop bagi projek tersebut adalah pertamanya Fasa 2 naik taraf tangki pengendapan Loji Rawatan Air di Sungai Dua iaitu penambahan sebanyak 91mld projek ini telahpun siap, yang kedua pakej 12A Loji Rawatan Sungai Dua juga tambahan modul rawatan air yang baru iaitu akan menambah sebanyak 114mld yang ni statusnya 15% pembinaan jadi, dalam pembinaan yang ketiga adalah Fasa 1 Loji Rawatan Air Empangan Mengkuang, yang ni kita telah melantik perunding jadi dalam tahap konsultasi.

Yang ketiga adalah Fasa 1 Loji Rawatan Air Sungai Muda, yang Sungai Muda punya kita jangka siap pada 2028 jadi agak lambat sikit. Kemudian kita ada Skim Bekalan Air Sungai Perai dan juga Skim Bekalan Air Sungai Kerian yang ini juga adalah perancangan sedang dalam status perancangan. Dan kita jangka juga mungkin Sungai Perai boleh dilaksanakan dalam masa depan, tapi untuk Sungai Kerian kita nak awalkan dan kita jangkakan sehingga 2026 ya. Ini dengan Loji Rawatan Air Sungai Kerian kita jangkakan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi di SPS khususnya. Jadi itulah sedikit sebanyak status projek-projek tersebut. Terima kasih Yang terhormat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, Pengkalan Kota. Sila.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya soalan 17.

- No. 17. Dasar Pembaharuan Semula Bandar (URC).
- (a) Apakah status terkini pelaksanaan dasar Pembaharuan Semula Bandar di Pulau Pinang?
 - (b) Adakah isu perundangan berhubung pelaksanaan dasar tersebut akan diatasi susulan daripada penubuhan Kerajaan Perpaduan di peringkat Persekutuan?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima kasih Dato' Speaker dan juga kepada rakan saya daripada Pengkalan Kota atas soalan begitu penting sekali atas isu perumahan di Negeri Pulau Pinang berkenaan secara khusus Dasar Pembaharuan Semula Bandar kita ataupun *Urban Regeneration* kita Dato' Speaker dan apakah status dia dan apakah isu perundangan dia, *which is amazing for us to look at, we have come quite far*. Selaras dengan Visi Penang2030 iaitu untuk menjadi Negeri Pintar, Hijau yang berteraskan keluarga, berfokuskan keluarga dan menginspirasi negara. Kita akan sepertimana saya nyatakan, utamakan semua rakyat Pulau Pinang dapat dirumahkan terutamanya dengan rumah mampu milik. Dan ini melibatkan keperluan Dato' Speaker, untuk perancangan inilah, iaitu perancangan pembaharuan semula. Kita satu negeri yang kecil, kita ada kekangan dari segi tanah.

So, kita perlu lihat bagaimana kita boleh atasi isu tersebut dengan kaedah lain. Dan kaedah itu ialah pembaharuan semula Dato' Speaker. *We need to look at that, and we have to seriously look at that. That is urban renewal, and this has been done and all over the world and now it has been done here in Penang*. Dan ada banyak tempat yang saya akan huraikan tetapi agenda kita dalam ini adalah untuk kita pastikan mereka yang sudah pun ada rumah apabila kita buat pembaharuan semula itu mereka akan dapat rumah yang lebih besar. Mereka akan dapat lebih kemudahan awam. Itulah apa yang kita hendak buat. Itulah definisi kita Dato' Speaker berkenaan pembaharuan semula bandar. Dan kita sudah pun ada satu, kita negeri yang pertama *in fact* yang mempunyai garis panduan pembaharuan semula. *We are the first state in Malaysia to have that and the Ministry is looking at Penang and they have come to Penang* untuk lihat apakah kita hendak buat. Baru-baru ini, tiga atau empat hari baru, TSUK daripada, TKSU daripada Pusat datang, Datuk Azhar untuk lihat dan telah pun pergi dan melihat beberapa tapak kita, Dato' Speaker. Dan kita lihat bahawasanya untuk kita menangani isu ketiadaan tanah tersebut, pembaharuan semula adalah satu tempat yang penting, satu agenda yang begitu penting. Dan kita lihat, kalau saya lihat dalam objektif kita jelas ia adalah supaya kita boleh mensejahterakan lebih sesuatu bandar tersebut. Itu sedang dibuat. *If I can just mention that part, the reason is* kalau kita lihat pada negara ataupun negara lain yang telahpun buat sedemikian rupa apabila kita ada satu tapak ataupun skim perumahan yang sudahpun usang ataupun lama, maka apabila kita membaharuinya ia adalah untuk manfaat dan kebaikan penduduk di situ.

Dan itulah apa yang kita hendak buat, itulah agenda kita. Sekiranya ada pihak atau pun puak yang tidak hendak terima, kita akan dengar apa yang mereka kata, *no issues*, tetapi dari pihak kerajaan apa yang kita hendak beri, inilah apa yang kita akan beri. Satu rumah unit yang lebih besar daripada 200 kaki persegi, 300 kaki persegi, kita bagi hampir 800 kaki persegi, kemudahan awam hampir 20, 30 kemudahan. *You live a better life*. So, pilihan itu atas tangan mereka. *Okay, I have to start by saying this because it come to the next thing. The rest of course* saya telah nyatakan. Tapi dalam soal ini, yang terpenting di Dewan ini ingin saya nyatakan kerana ini bukan satu cerita baru kita telah pun harunginya sudah lama. *We have gone through this, and we want to complete the journey. And that journey requires.*

Requires Dato' Speaker you can see and I keep. I'm not reading the answer but if you read the answer, you will know I am keeping it short. Because the journey requires now and amendment to several laws perlu kita ada beberapa pindaan kepada undang-undang kita bukan sahaja di Penang tetapi terutamanya di bahagian Persekutuan Dato' Speaker kerana kita lihat bahawa kekangan juga yang kita alami adalah sekiranya dalam sesuatu skim itu ada 1 orang yang bantah, maka 99 orang daripada 100 orang duduk dalam skim itu tidak boleh teruskan dengan apa agenda kita untuk perbaiki kehidupan mereka. And that is the issue. Dan saya telah pun bincang dengan menteri dan seluruh kementerian mereka sedang lihat bagaimana kita boleh lihat pada itu. Dan salah satu daripada cadangan kita daripada Pulau Pinang mereka selalu lihat pada Pulau Pinang. And this is nothing new. So, I've seen five Ministers, Dato' Speaker, this my fifth and hopefully Yang Berhormat Nga Kor Ming will move on with his legal team now and they have come to Penang, and we are discussing and just reminding them what we have discussed. Bahawasanya kita perlu ada satu perundangan baru either a new Acts Dato' Speaker or secondly an amendment to the current Acts. We have 3 Acts that we need to look at.

Now saya datang ke Pulau Pinang, balik ke Pulau Pinang kita dalam usaha kita untuk ada pembaharuan semula kita ada telah pun selama ini, Dato' Speaker mengenal pasti lima tapak iaitu beberapa tapak yang hendak saya nyatakan Mahsuri di Bayan Lepas, kita ada juga di Taman Free School, juga di Padang Tembak juga di Taman Siakap di Seberang Perai, juga di Mak Mandin. *Of course, I think Mahsuri Dato' Speaker, for your information is the most advance, RFP selesai we are going to move by the middle of this year. The rest I think part from the next one is Taman Siakap on the other side, also rather, sorry Mak Mandin on the other side at Seberang Perai will also quite advance stage. The rest what we call feasibility Dato' Speaker that means we are dapat pendapat daripada penduduk dan sebagainya.*

So, I'm very happy to mention that we will continue here kerana ini adalah keutamaan kita untuk mengatasi isu ataupun menangani isu pembekalan perumahan. I just want to end by saying what I'm talking about is basically if you have a 5 storey walk up that can cater to hundred person, kita ada lima tingkat satu ratus unit, apabila kita membuat pembaharuan semula selain daripada apa yang saya nyatakan tadi unit mereka akan jadi besar, kemudahan lebih, number one untuk mereka dan mereka akan diberikan unit itu percuma. 1 to 1. First of all. Secondly perumahan, Lembaga Perumahan dalam senarai kita menunggu akan dapat lebih unit, kerana kita boleh pergi kepada 15 tingkat, 20 tingkat, depending on the area and we will have so much more units for the people of Penang. Terima kasih dan itulah apa yang saya hendak nyatakan. Thank you very much.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Seterusnya saya nak jemput Air Putih.

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan nombor 18.

No. 18. Nyatakan status ADUN-ADUN yang melompat parti selepas pindaan Perlembagaan Anti-Lompat Parti diisytiharkan berperlembagaan oleh Mahkamah Persekutuan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Air Putih. Berhubung dengan status Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri yang melompat parti selepas pindaan Perlembagaan Anti Lompat Parti diisytiharkan berperlembagaan oleh Mahkamah

Persekutuan. Dato' Yang di-Pertua walaupun isu ini sudah dapat ditangani oleh Dewan sekiranya perlu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak perlu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tak perlu. Kalau perlu pun saya cuma ulangi apa yang sudah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri I, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Soalan ini bersabit dengan pengisytiharan kekosongan semalam. Sila kalau ada soalan tambahan.

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Saya ingin bertanya apakah jawapan balas kepada serangan-serangan yang dibuat oleh parti lawan khususnya ketua pembangkang parlimen yang menyatakan apa yang dilakukan semalam adalah menghina demokrasi dan satu penyalahgunaan kuasa memandangkan bahawa ia adalah sesuatu yang telah disebarluaskan luas dengan fakta-fakta yang kurang tepat di kalangan penyokong-penyokong mereka. Apakah respons terhadap perkara ini kerana mereka akan teruskan dengan fitnah-fitnah tersebut dan pada masa yang sama apakah tindakan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk menjaga keempat-empat KADUN dimana kerusi tersebut atau kawasan Dewan Undangan Negeri tersebut telahpun dikosongkan. Terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Air Putih atas soalan tambahan. Saya rasa apa yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang di Parlimen adalah satu penghinaan kepada Mahkamah Persekutuan, kepada Perlembagaan Negeri Pulau Pinang yang dengan jelasnya telah buat keputusan yang menzahirkan Perlembagaan Negeri berhubung dengan Anti Lompat Parti itu tidak bercanggah dengan apa-apa undang-undang di muka bumi ini dan ianya dalam kata yang digunakan adalah satu undang-undang yang *valid*. Jadi apa yang disuarakan selain daripada pandangan oleh Mahkamah Persekutuan dan juga Perlembagaan Negeri adalah satu penghinaan kepada Mahkamah Persekutuan dan Perlembagaan Negeri. Berhubung dengan ekor daripada pengosongan keempat-empat kerusi ini Kerajaan Negeri sebenarnya telah ambil tindakan untuk membolehkan pelantikan ADUN angkat yang terdiri dari beberapa ADUN sendiri untuk menguruskan kawasan yang berkenaan supaya rakyat jelata dan pengundi di kawasan tersebut tidak merasa terpinggir daripada kekosongan ini malahan dapat juga pembelaan dan dijaga dengan baiknya oleh pihak Kerajaan Negeri melalui penyaluran peruntukan-peruntukan yang sama yang diberikan kepada ADUN di kawasan masing-masing.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Saya nak jemput Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Bismillahirrohmanirohim. Dengan izin Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 19.

- No. 19. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina litar lumba motosikal khusus kategori Cub Prix dan Motocross?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membuat *engagement* dengan kelab-kelab motosikal Cub Prix di Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Dato' Yang di-Pertua, saya menjawab soalan nombor 19. Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan untuk membina litar lumba motorsikal khusus bagi kategori *cub prix* dan *motor cross*. Sebagai makluman satu panggilan *Request For Proposal* dengan izin Dato' Speaker, untuk pembinaan Litar Lumba Batu Kawan telah pun diiklankan pada 12 Mei 2021 dan ditutup pada 08 Jun 2021. Namun tiada pembida yang berminat menyertai RFP ini. Lanjutan itu, Mesyuarat Lembaga Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang Bilangan 3 Tahun 2021 yang bersidang pada 30 September 2021 telah memutuskan bahawa trek litar lumba sementara dikekalkan bagi penganjuran *Petronas Cub Prix*. Buat masa ini, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan bersama Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang masih meneliti cadangan untuk menaik taraf Stadium Negeri Pulau Pinang sebagai litar lumba untuk tujuan permotoran terutamanya untuk kegunaan *Petronas Malaysian Cub Prix*.

Sehingga kini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa menjalinkan kerjasama erat dengan Kelab Sukan Bermotor Pulau Pinang yang merupakan antara rakan teknikal utama yang bertanggungjawab mengendalikan perlumbaan *Petronas Malaysian Cub Prix* bersama dengan penganjuran utama iaitu *Safe Aim Mutual Sdn. Bhd.* Klinik permotoran yang terkini yang dilaksanakan pada 03 Disember 2022 bertempat di IKBN Bukit Mertajam dan selanjutnya dicadangkan diadakan pada 25 hingga 26 November Tahun 2023 iaitu ketika berlangsungnya Perlumbaan *Cub Prix* pusingan akhir di Perkarangan Stadium Negeri Pulau Pinang Batu Kawan. Melalui jaringan kerjasama pihak penganjur utama dengan Kelab Sukan Permotoran Pulau Pinang. Pada masa yang sama Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) juga turut telah menjalankan 2 sesi dialog bersama wakil kelab motorsikal bagi memahami situasi kewangan tersebut.

Sesi yang pertama telah pun dijalankan pada 01 November tahun 2022 yang dihadiri oleh seramai 21 orang wakil daripada 8 buah kelab motorsikal di Pulau Pinang, dan sesi dialog kedua diadakan pada 03 Disember Tahun 2022 yang dihadiri oleh seramai 29 orang wakil daripada 17 buah kelab motorsikal di Pulau Pinang. Antara cadangan-cadangan dan pandangan daripada kelab-kelab motorsikal di Pulau Pinang yang dilontarkan semasa sesi-sesi dialog tersebut adalah seperti berikut.

Yang pertama, permintaan pembinaan litar lumba. Kedua, penganjuran karnival permotoran yang dicadangkan untuk diadakan pada bulan Mei Tahun 2023 di Stadium Batu Kawan. Yang ketiga, pewujudan beberapa buah bengkel automotif bagi kegunaan belia di sekitar Pulau Pinang dan yang keempat penubuhan jawatankuasa sukan permotoran Pulau Pinang yang akan dipengerusikan oleh Pengurus Besar PYDC dan keahliannya terdiri daripada Ketua Pengarah Eksekutif Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang dan Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, Presiden Kelab Sukan Bermotor Pulau Pinang dan wakil daripada kelab-kelab motorsikal di Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Dengan izin Yang di-Pertua.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Ada soalan tambahan, berkenaan dengan sukan permotoran motor-motor kapcai atau kita sebut sebagai *cub prix*, boleh YB. EXCO bersetuju untuk membenarkan tempat parkir kereta ataupun kenderaan di Stadium Batu Kawan itu dijadikan sebagai tempat latihan kerana *apparently* di Pulau Pinang ini tidak ada satu tempat atau pun kawasan untuk dijadikan pusat latihan. Apabila saya berbicara, berdialog dengan kelab-kelab sukan permotoran *cub prix* di Pulau Pinang ini mereka menyuarakan permasalahan ini di mana mereka terpaksa berlatih di Perlis, di UMP, jadi dalam kita nak membangunkan sukan ini boleh pihak Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberikan kelonggaran semula supaya tempat parkir kenderaan ini dijadikan sebagai pusat latihan supaya sukan ini dapat dibangunkan nombor satu dan kita dapat mengekang aktiviti-aktiviti permotoran yang tidak berdisiplin terutamanya yang kita sebut sebagai mat rempit dan sebagainya. Kita perlu membuat imbangan kepentingan ataupun *balance of interest* di antara keselamatan penunggang atau pelumba motorsikal ini dengan minat mereka kerana rata-rata orang muda di luar sana terutamanya di kalangan orang Melayu ini berminat dengan permotoran motor kapcai ini dan ini juga dapat dijadikan langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mendekati golongan muda di luar sana supaya mereka memahami agenda-agenda Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebab saya melihat kepada wujud sedikit kesenggangan atau pun *gap* di antara dasar atau polisi Kerajaan Negeri atau pun agenda Kerajaan Negeri ini dengan anak-anak muda di luar sana.

Jadi, saya memikirkan atau pun saya berpandangan bahawa sukan permotoran sebegini boleh mendekati agenda Kerajaan Negeri dengan anak-anak muda di luar sana. Dan oleh itu saya mencadangkan dan jika bersetuju untuk Kerajaan Negeri membuka semula atau pun melonggarkan syarat untuk dibolehkan tempat parkir kenderaan di Stadium Batu Kawan dijadikan sebagai pusat sukan permotoran. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada soalan tambahan daripada Permatang Pasir. Memang sementara waktu tunggu RFP yang akan dibuka untuk Rancangan *Sport City* di Stadium Negeri Batu Kawan di tapak parkir ini memang ada untuk rancangan pembinaan *Sport City* dan pada masa yang sama kita juga telah pun berbincang dengan penganjur *Petronas Cub Prix* pada tahun 2022 tahun lepas di mana sementara waktu tunggu untuk proses RFP ini mungkin kita boleh jadikan tempat latihan untuk ahli-ahli kelab motor ataupun orang muda yang seperti dicadangkan oleh Permatang Pasir ini. Tetapi ada sedikit dari segi isu keselamatan di atas pembukaan jalan sempit dan juga luas dan juga persimpangan tersebut yang telahpun dikaji supaya untuk diubahsuai untuk menjaga keselamatan sementara waktu untuk buka kegunaan mereka. Dan pada masa yang sama juga memang *Sport City* kita akan panggil RFP pada tahun itu, pada tahun ini dan setengahnya ada rancangan pembinaan *Sport City* di Stadium Batu Kawan memang kita juga akan kekalkan satu tempat supaya atas jalan untuk kegunaan aktiviti permotoran. So inilah salah satu rancangan dalam *Sport City* Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bagan Dalam, sila.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Dato' Yang di-Pertua, sebelum soalan saya ada kelab *motor cross* datang buat *Championship* di Bagan Dalam minta Kerajaan Negeri *support*. Soalan saya nombor 20.

No. 20. Bagaimanakah kesesakan jalan raya yang semakin meningkat di Seberang Perai akan diatasi oleh Kerajaan?

- (a) Lebuhraya Utara Selatan dari Jawi sehingga Juru menjadi halangan untuk *connectivity* menyebabkan tekanan ke atas jalan-jalan biasa lalu menyebabkan kesesakan teruk. Bolehkah jalan ini dijadikan Jalan Persekutuan tanpa tol dengan lebih banyak susur masuk keluar?

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Ini soalan untuk EXCO yang mana ni? Yang Berhormat Bagan Dalam dan Yang Berhormat Dato' Speaker. Kerajaan Negeri komited dalam menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya di seluruh Negeri Pulau Pinang dan antara inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi kesesakan jalan raya yang semakin meningkat di Seberang Perai adalah seperti berikut. Yang pertamanya, perkhidmatan *Bas Percuma CAT Bridge* dari Seberang ke Pulau yang diteruskan sehingga Disember 2023 melibatkan laluan Bukit Mertajam ke KOMTAR dan juga laluan Seberang Jaya ke Kawasan Perindustrian Bayan Lepas. Kedua, tajaan pas perjalanan tanpa had Pas Mutiara MY50 secara percuma bagi pelanggan. Yang ketiga, menyediakan perkhidmatan *Bridge Express Shuttle Transit KOMTAR (BEST KOMTAR)* dari Seberang Perai dan juga Selatan Pulau Pinang ke KOMTAR bagi penjawat awam. Keempat, tajaan tambang percuma perkhidmatan feri pejalan kaki untuk warganegara Malaysia. Kelima melaksanakan sistem pengangkutan awam Wilayah Berintegritas yang berpusat di Penang Sentral Butterworth melibatkan semua jenis pengangkutan seperti bas, teksi, feri dan keretapi. Manakala perancangan jangka masa panjang pula adalah melalui PTMP *Penang Transport Master Plan* yang merupakan strategi pengangkutan yang komprehensif, cekap dan bersepadu merangkumi pelbagai *mode* sistem pengangkutan dan perkhidmatan seperti LRT, tren, *ehailing*, feri, teksi air dan sebagainya. PTMP juga mencadangkan rangkaian lebuhraya dan jalan raya baru serta menambah baik infrastruktur jalanraya seperti persimpangan yang sedia ada. Butiran-butiran PTMP ini ada banyak jadi kita akan bagi dalam jawapan bertulis.

Dan untuk makluman, untuk soalan bahagian kedua Yang Berhormat mengenai perancangan untuk menjadikan Lebuhraya Utara Selatan dari Jawi ke Juru sebagai sebuah Jalan Persekutuan tanpa tol. Ini sebenarnya Yang Berhormat pun maklum adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri, ia adalah di bawah LLM dan juga Kementerian Kerja Raya, tapi walaupun cadangan itu sekiranya Kerajaan Negeri ingin menyampaikan pada Kerajaan Persekutuan pun, kita perlu maklum bahawa terdapat konsesi antara Syarikat PLUS dan juga Kerajaan Persekutuan yang tak silap saya ada baki 30 tahun lagi. Jadi mungkin agak sukar sedikit kalau kita nak tukar dan jadikan lebuhraya tersebut sebagai sebuah jalan yang tanpa tol. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tanjung Bunga yang menjawab soalan saya tadi. Saya ada dua (2) soalan dalam ni, satu adalah tentang perkhidmatan feri yang dinyatakan sebagai satu alternatif atau pun pengangkutan awam yang dapat mengurangkan trafik di atas jalan raya tetapi menurut apa yang kita nampak sekarang

masalah besar kepada mereka yang naik feri adalah tiadanya satu tempat untuk mereka meletakkan kereta mereka. Untuk konsep *park and ride* dan kerana *parking fees* di Penang Sentral itu terlalu tinggi, hampir RM8.00 satu hari. Mungkin itu perlu dikurangkan dan ada tak Kerajaan Negeri bercadang untuk berbincang dengan Penang Sentral untuk bagi subsidi. Mungkin *park and ride* dengan RM2.00 ka, itu satu dan ada ura-ura menyatakan tambang feri yang sedia ada percuma sekarang akan dinaikkan sehingga RM5.00. Kalau ini berlaku, ini akan memberi satu kesan yang teruk kepada mereka yang menggunakan feri. So apakah rancangan Kerajaan Negeri?

Dan ketiga adalah tentang tadi jalan dari Juru ke Jawi tadi, kalau 30 tahun nanti kita tunggu semua jalan-jalan kecil di taman pun akan jadi sesak. Sekarang pun sudah jadi sesak. So saya minta perlu ada satu kajian kalau tidak ada, tidak dijadikan sebagai *Federal Highway at least* kena ada banyak *crossing*, kalau boleh 7 *crossing* pun boleh la untuk mengingatkan 7-0 tu. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Yang Berhormat Speaker, ini menghasut. Yang Berhormat *Speaker*, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Bagan Dalam tadi. Yang pertamanya, Kerajaan Negeri sememangnya sangat komitedlah untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. *By bus* mahupun feri dan tadi dalam jawapan asal saya pun, saya telah sebut bahawa Kerajaan Negeri menanggung sepenuhnya tambang feri buat masa ini dan juga perkhidmatan bas yang macam-macam kita buat. Namun Kerajaan Negeri juga maklum bahawa Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang sedang menjalankan kaji selidik ataupun *survey* untuk mendapatkan maklum balas daripada pengguna mengenai cadangan kenaikan tambang.

Walau begitu, *quantum* kenaikan itu kita saya rasa tidak tahu lagi dan masih lagi dalam peringkat cadangan dan tidak ada keputusan yang telah dibuat sewaktu ini. Pun begitu, kita mengambil maklum mengenai keperluan untuk tempat letak kereta yang lebih *affordable* kerana caj parking di Penang Sentral adalah agak tinggi. Perkara ini sebenarnya telah pernah dimaklumkan kepada pihak MRCB iaitu operator atau pemilik bangunan Penang Sentral tersebut dan pada masa itu, tidak satu persetujuan tidak dapat diperolehi, namun mungkin kita boleh bincang balik. Tapi untuk makluman Yang Berhormat juga, semasa lawatan tapak yang saya buat kepada pihak SPPP beberapa bulan yang lepas, saya telah dimaklumkan bahawa SPPP pun ada perancangan untuk membuat tempat letak kereta bagi pengguna feri.

Jadi mungkin itu pun satu cadanganlah yang boleh diambil kira dan sekiranya pihak *Penang Port* yang membuat tempat letak kereta itu, saya kira caj parking itu mungkin dapat munasabah sedikit kerana itu semua akan menjadi pelanggan kepada feri mereka. Yang ini saya akan susulilah dengan pihak *Penang Port* agar kita dapat menangani isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Yang kedua mengenai permintaan *crossing* ya. Kenapa tujuh pun saya tak faham tapi kosnya akan agak tinggilah, Yang Berhormat pun boleh bayangkan sekiranya kita nak buat jejambat atau pun jalan tersebut dan sudah tentu kos perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

Namun begitu, Kerajaan Negeri ada membangkitkan mengenai isu lebuhraya ini kerana sudah sesak sepertimana Yang Berhormat pun maklum kepada Kerajaan Persekutuan dan sebenarnya dalam *National Highway Plan*, ada satu perancangan untuk membuat lebuhraya bertingkat (*elevated highway*), *paralleled and on top of the current highway*. Dan dalam *National Highway Plan* ini, jajaran penuh adalah dari Juru hingga ke Sungai Dua. Namun sekiranya hendak buat sepenuhnya memang makan belanja yang banyak, berbilion-bilion tapi Kerajaan Negeri baru-baru ini ada membuat permintaan kepada Kerajaan Persekutuan untuk kalau boleh melaksanakan fasa yang pertama iaitu dari Juru hingga ke bulatan Seberang Jaya dengan kos sebanyak RM780 juta. Jadi saya ingat kos RM780 juta mungkin kita harap dapat dipertimbangkanlah oleh Kerajaan Persekutuan supaya kita dapat dan dengan terbinanya *elevated highway* ini maka kita boleh mengasingkan *traffic*,

through traffic yang ingin terus ke bahagian utara dan juga *local traffic* yang boleh menggunakan jalan di bawah. Jadi dengan itu, kita boleh mengurangkan kesesakan trafik. Terima kasih Yang Berhormat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Sungai Dua.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Saya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Dua.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Sungai Dua.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bukit Tengah, Sungai Dua ke? Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):

Yang di-Pertua, soalan saya soalan 21.

No. 21. Nyatakan jumlah taska di rumah yang berdaftar di seluruh Pulau Pinang dan kaedah pengurusan oleh jabatan serta syarat-syarat pelaksanaan.

(a) Apakah faedah dan kebaikan taska di rumah kepada jabatan dan keluarga B40?

(b) Mengapakah taska di rumah dikenakan pelbagai syarat yang ketat dan apakah cara untuk membantu pengurusan taska-taska ini?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Three questions already being asked.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):

Soalan 21.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Dua. Tentang soalan mengenai taska di rumah di Pulau Pinang. Kerajaan telah mengeluarkan Garis Panduan Pendaftaran Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) di Negeri Pulau Pinang dan telah digunapakai mulai 1 Januari 2021. Selain memberikan panduan bagi pelaksanaan proses permohonan penubuhan TASKA baharu kepada pengusaha-pengusaha TASKA, garis panduan ini turut membantu

pengusaha TASKA sedia ada untuk mematuhi akta dan peraturan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang sedang berkuatkuasa. Sebanyak 21 buah TASKA di rumah yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pulau Pinang di seluruh negeri sehingga 31 Januari 2023. Perincian mengikut daerah adalah seperti berikut:

- a. SPU – 5
 - b. SPT – 5
 - c. SPS – 1
 - d. Timur Laut – 5
 - e. Barat Daya – 5
- Jumlah = 21

Manakala senarai penuh TASKA di rumah adalah seperti di Lampiran A yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas sesi Soalan Lisan. Walau bagaimanapun, pihak JKM Ibu Pejabat telah mengeluarkan surat arahan bertarikh 11 Januari 2022 dan 23 Februari 2022 bagi tujuan pemantauan proses pendaftaran TASKA di rumah selaras dengan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 (Akta 308) yang mewajibkan pengusaha TASKA di rumah untuk mendapatkan sokongan dari tiga jabatan/agensi teknikal sebelum permohonan pendaftaran diluluskan oleh Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri.

Yang pertama ialah Kerajaan Negeri sentiasa, untuk jawapan bahagian (a). Kerajaan Negeri sentiasa menyokong pengoperasian TASKA di rumah memandangkan kewujudan TASKA di rumah ini dapat membantu golongan ibu bapa yang kedua-duanya bekerja dan mempunyai pendapatan isi rumah dalam kalangan golongan B40 untuk menghantar anak-anak kecil ke tempat asuhan sebelum ke tempat kerja. Caj yuran bulanan yang dikenakan bagi setiap orang anak asuhan yang dihantar ke TASKA di rumah adalah lebih murah berbanding dengan caj yuran bulanan di TASKA lain memandangkan pengusaha TASKA di rumah tidak perlu menyewa premis perniagaan atau membayar kos pengoperasian yang lain.

TASKA di rumah dikenakan syarat yang ketat bagi proses permohonan pendaftaran adalah bertujuan untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak asuhan. Proses ini adalah sama seperti permohonan pendaftaran TASKA yang lain seperti TASKA institusi, TASKA di tempat kerja dan TASKA komuniti. Melalui keputusan Mesyuarat Berhubung Penetapan Syarat Pendaftaran TASKA Di Rumah Dalam Panduan Pendaftaran TASKA Di Negeri Pulau Pinang yang telah diurus setiakan oleh pihak Bahagian Kerajaan Tempatan pada 31 Januari 2023 telah bersetuju agar pihak BKT mengadakan bengkel bagi membincangkan dengan lebih terperinci tentang kaedah dan syarat terkini bagi proses pendaftaran TASKA di rumah agar ia selaras dengan arahan daripada pihak JKM Ibu Pejabat serta tertakluk kepada undang-undang Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di kawasan masing-masing. Selain itu, saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa MMK Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam turut akan mengadakan sesi libat urus bersama-sama dengan semua pengusaha TASKA di rumah yang berdaftar dan tidak berdaftar dalam masa terdekat bagi memahami kesulitan yang dihadapi oleh pengusaha berkenaan serta akan mencadangkan inisiatif bersesuaian untuk membantu mengurangkan beban pengusaha TASKA di rumah berkaitan isu ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):

Soalan tambahan. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Pertamanya terima kasih di atas jawapan dan juga komitmen daripada Padang Lalang berkaitan TASKA di rumah sebab saya bangkitkan perkara ini sebab terdapat isu di kalangan pengusahalah yang berjumpa dengan saya untuk cuba selesaikan. TASKA di rumah ini banyak membantu semasa COVID-19. Semasa COVID, TASKA-TASKA ini ditutup. Kebanyakan ibu bapa yang bekerja ni, yang

kerja kecil ini, B40 ini, tak ada tempat untuk menghantar anak-anak, banyak hantar ke TASKA di rumah. Dan apa yang saya faham, soalan saya, terdapat peraturan atau dasar yang perlu diselaraskan, diubahsuai dan juga diseragamkan di antara jabatan/agensi terlibat dengan PBT, teknikal dan juga antara Persekutuan dan juga Negeri, saya rasa perlu diselaraskan. Terdapat percanggahan di sebahagian dasar ini. Di negeri, mungkin kata tak payah, teknikal ada *clause* nya, tapi di Persekutuan kata kena, contohnya. Jadi ini perlu diselaraskan supaya pengusaha TASKA ini tak terasa terlalu tertekan sebab depa buat di rumah. Jadi rumah ni, terpaksa melibatkan teknikal, Bomba dan sebagainya kadang-kadang ia menimbulkan juga masalah. Mungkin kita boleh tengok. Boleh atau tidak kita selaraskan dari segi syarat-syarat teknikal dan juga antara Persekutuan dan Negeri.

Yang keduanya, apakah TASKA di rumah ini akan diteruskan atau pun dengan penambahbaikan yang mampu ditanggung oleh pengusaha. Sebab depa cuma ada sembilan orang saja. Maksimum sembilan tak boleh lebih. Jadi seorang pun kalau kata RM500, RM400 seorang, mungkin berapa ringgit yang dapat dengan kos yang depa kena buat. Akan diteruskan dengan penambahbaikan atau pun akan diambil tindakan untuk ditutup. Jadi mohon penjelasan dan juga komitmen dari pihak Padang Lalang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih kepada Yang Berhormat untuk soalan tambahan ini. Memang saya rasa Yang Berhormat sangat faham tentang isu ini. Memang isu ini saya rasa dia berkaitan terlibat semua orang khususnya ibu-ibu yang bekerja dan memang pada saya, saya nak kalau ibu nak pergi kerja, kita mau dia dapat sokongan seperti asuhan ya, Pusat Asuhan Kanak-kanak. Dan itu pun adalah baik untuk kanak-kanak itu. Dia dijaga dengan baik. Jadi saya rasa ini, bidang ini perlu diberi perhatian dan juga saya hari itu telah berbincang dengan Menteri Pembangunan Wanita dan beliau pun bersetuju bahawa sekiranya kita memberi perhatian kepada bidang ini, TASKA di rumah, jadi khususnya ibu-ibu tunggal yang ada anak kecil, mereka boleh menjaga anak di rumah juga jaga orang lain dan itu sebagai rezeki mereka. Jadi kami akanlah, akan memandangi berat dalam bidang ini. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, saya nak minta Penaga, sila.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni bin Mat Piah):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Penaga soalan nombor 22.

No.22. Syarikat manakah yang terlibat dalam korek pasir di Kuala Muda dan apa tujuan pasir tersebut dikorek?

- (a) Apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada syarikat tersebut untuk melakukan kerja mengorek?
- (b) Apakah terdapat sempadan laut yang memisahkan Pulau Pinang dan Kedah bagi memastikan tiada pencerobohan korek pasir berlaku?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Penaga atas soalan nombor 22 berhubung dengan aktiviti korek pasir di Kuala Muda dan apakah tujuan aktiviti ini?

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, syarikat yang terlibat dalam pengorekan pasir di Kuala Muda adalah Yayasan Islam Negeri Kedah. Ditegaskan Negeri Kedah, bukan Negeri

Pulau Pinang, YINK. Tujuan pengorekan adalah bagi mendalamkan muara Sungai Muda yang semakin cetek. Tindakan ini adalah susulan daripada aduan oleh Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Muda yang terpaksa berhadapan dengan risiko bot karam akibat muara sungai yang cetek. Keadaan ini sangat membahayakan pengguna yang menggunakan laluan tersebut terutamanya nelayan kerana laluan tersebut merupakan laluan utama bot-bot nelayan keluar dan masuk ke Pengkalan Pendaratan Hasil Laut di Kota Kuala Muda atau Pasar Bisik.

Selain itu, seringkali juga terdapat kes-kes bot karam setelah terlanggar beting pasir yang semakin meninggi di muara sungai tersebut. YINK telah diluluskan Permit 4B bagi maksud mengorek dan mengeluarkan pasir di kawasan tersebut dan tempoh sah terkini Lesen 4B itu adalah dari 1 Januari sehingga 31 Disember tahun 2023. Jawapan kepada Bahagian A berhubung dengan syarat-syarat yang dikenakan iaitu syarat-syarat dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri Kedah sebab aktiviti ini berlaku di sebelah Negeri Kedah, kita cuma dapat makluman dari pihak Negeri Kedah dan jawapan ini adalah seperti berikut:

- Menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan;
- Permit 4B ini hendaklah pada setiap masa berada bersama pemegang permit atau agensi yang diberi kuasa mengeluarkan resit-resit itu di tapak kuari. Permit tersebut hendaklah ditunjuk semasa pemeriksaan oleh Pihak Berkuasa. Saya rasa syarat ini samala dengan setiap Pejabat Daerah pun; dan seterusnya;
- Perlu berhubung dan mematuhi segala syarat yang ditetapkan;
- Pematuhan syarat-syarat berkaitan kenderaan lori;
- Pematuhan syarat berhubung dengan waktu operasi;
- Mengadakan papan tanda kuari dan amaran;
- Memastikan jalan keluar masuk tidak mengalami kerosakan;
- Permit yang dikeluarkan tidak boleh dipindah milik dan akan tamat secara automatik jika pemegang meninggal dunia atau berlaku pertukaran milik tanah dan lain-lainlah, itu lazim;
- Tindakan menutup operasi serta merta akan diambil sekiranya ada apa-apa aduan; dan
- Permit akan dibatalkan sekiranya berlaku apa-apa pelanggaran syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Jangan kerana saya jawab soalan mengenai apa yang dikenakan oleh pihak Negeri Kedah ada orang tanya pula aik, siapa Menteri Besar Kedah? Chow Kon Yeow atau Sanusi pula.

Perkara B untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa ini tiada sempadan yang muktamad di antara Negeri Pulau Pinang dan Kedah. Cadangan Pelaksanaan Proses Penandaan dan Pengukuran Sempadan Negeri Pulau Pinang dan Negeri Kedah mengikut tiga segmen telah pun diluluskan oleh MMK Negeri Pulau Pinang pada 2hb Disember 2020. Lanjutan itu, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kedah telah merancang untuk mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Teknikal Persempadanan Kedah dan Pulau Pinang Peringkat Negeri Kedah pada 21 Januari 2021 namun telah ditangguhkan oleh PTG Kedah. PTG Pulau Pinang seterusnya melalui surat bertarikh 5hb Januari 2022 telah menjemput PTG Kedah serta ahli-ahli Jawatankuasa Bersama Teknikal Negeri Kedah ke Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Teknikal Penandaan dan Pengukuran Sempadan Negeri Pulau Pinang-Negeri Kedah Bil. 1/2022 yang telah dijadualkan pada 25 Januari 2022. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan serta memuktamadkan cadangan proses penandaan dan pengukuran sempadan Negeri Pulau Pinang dan Negeri Kedah serta draf Bidang Kuasa (TOR) dan Memorandum Persefahaman (MOU) yang telah disediakan oleh pihak JUPEM. Walau bagaimanapun, PTG Kedah melalui surat bertarikh 20 Januari 2022 telah

memohon supaya mesyuarat ini ditangguhkan sekali lagi dan sehingga kini masih belum ada apa-apa mesyuarat teknikal di antara dua pihak.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni bin Mat Piah):

Terima kasih Yang Amat Berhormat Padang Kota atas jawapan yang telah diberi atas soalan saya. Ada soalan tambahan, sebenarnya Pusat Khidmat ADUN Penaga telah menerima aduan daripada Unit Nelayan Kuala Muda dan juga aduan daripada Jawatankuasa Kariah Kuala Muda dan juga nelayan-nelayan yang menggunakan laluan tersebut bahawa pemaju atau pihak syarikat yang diberi lesen untuk mengorek dan juga menjual pasir ini, bagaimana mereka telah melanggar sempadan sehingga mereka mengambil pasir di sebelah Pulau Pinang dan ini menyebabkan bagaimana pihak nelayan dan pihak kariah rasa tertekan atau pun berlaku masalah apabila pasir itu diambil dan mengakibatkan hakisan kepada tanah di sebelah Kuala Muda, Pulau Pinang ini.

Dengan sebab itu, saya berharap agar Kerajaan Negeri melihat atau pun memantau jika sekiranya syarikat tersebut telah melanggar sempadan dan mereka mengambil pasir di sebelah Pulau Pinang, maka sepatutnya Kerajaan Negeri juga perlu menuntut royalti kepada syarikat tersebut sebagaimana yang diperoleh oleh Kerajaan Negeri Kedah. Kita nak pastikan Pulau Pinang juga dapat bayaran yang sama kalau sekiranya berlaku pelanggaran sehingga pasir di sebelah Pulau Pinang ini diambil oleh pihak syarikat terbabit dan mereka ini pandai, nelayan memaklumkan bahawa mereka akan korek dan ambil ini di sebelah malam, mereka mendekati sehingga sampai hampir atau pun dekat dengan Masjid Kuala Muda itu dan di sebelah siangnyanya dia punya kapal itu akan berada di tengah-tengah lautan. Ini teknik yang dibuat oleh pihak syarikat tersebut dan sebab itu, saya minta agar Kerajaan Negeri mungkin melalui Pejabat Daerah SPU dan saya juga mendapat sedikit jawapan daripada Pejabat Daerah SPU dan mengharapkan juga supaya JUPEM Negeri kalau boleh kita *clear*kan garis sempadan antara negeri supaya apabila berlakunya pencerobohan maka tuntutan yang kita buat itu munasabah dan kita berhak untuk mendapat royalti apabila pasir di sebelah negeri kita diambil, terima kasih.

Y.A.B Ketua Menteri:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Penaga. Pihak Kerajaan Negeri sememangnya pun menerima aduan berhubung dengan aktiviti mengorek pasir di bahagian Negeri Pulau Pinang oleh syarikat-syarikat atau pun pihak-pihak berkenaan. Itu sebab mantan Setiausaha Kerajaan Negeri pun cuba mendapat kerjasama dari pihak Negeri Kedah untuk mengadakan mesyuarat bersama bagi menangani isu-isu sedemikian. Saya percaya Setiausaha Kerajaan Negeri yang baharu akan ambil tindakan yang serupa untuk meneruskan perbincangan di antara dua pihak ini. Ini satu isu yang melibatkan dua negeri walaupun permit ini diberikan kepada syarikat oleh pihak yang berwajib dari Negeri Kedah namun ini adalah satu bidang yang boleh kita sebagai jiran bekerjasama untuk menangani satu isu yang melibatkan dua buah negeri kerana berlakunya dalam kawasan yang membabitkan sempadan dua-dua negeri ini. Jadi kita berharap kita *setting a side* apa-apa perbezaan dari segi politik. Biar isu ini ditangani oleh pihak pentadbiran negeri masing-masing.

Saya percaya pihak pentadbiran tidak terlibat dalam isu politik dan sebenarnya pun tidak ada politik dalam isu ini sebab ianya adalah manfaat pihak nelayan yang menghadapi isu muara semakin cetek dan menimbulkan kesulitan dan bahaya kepada unit-unit nelayan yang perlu menggunakan laluan ini ke Pasar Bisik untuk meneruskan perniagaan hasil laut yang mereka perolehi daripada tangkapan di luar. Jadi kita akan meneruskan usaha ini dan harap Yang Berhormat Penaga pun ada kepentingan di dua-dua pihak, satu kaki di sini, satu kaki di sana. Jadi boleh mainkan peranan yang penting bagi menangani isu bersama ini. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Sungai Pinang, sila.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 23.

No. 23.

Galeri Sukan.

- (a) Sejak Galeri Sukan ditubuhkan, apakah respon kunjungan orang awam dan pelajar?
- (b) Adakah informasi dalam galeri tersebut akan dikemas kini dari semasa ke semasa untuk memastikan maklumat-maklumat berkenaan adalah terkini?
- (c) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan penggunaan Galeri Sukan dapat dimanfaatkan secara optimum?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih Dato' Speaker, saya menjawab soalan 23 daripada Sungai Pinang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui inisiatif pewujudan Galeri Sukan Negeri Pulau Pinang oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) meyakini bahawa rakyat Negeri Pulau Pinang termasuklah bekas-bekas atlet negeri dan negara amat menghargai usaha untuk menyediakan sebuah galeri yang mempamerkan dan memaparkan pengiktirafan dan kejayaan atlet-atlet cemerlang Negeri Pulau Pinang.

Secara amnya, melalui maklumat dan maklum balas yang diterima di peringkat MSNPP, para pengunjung telah memberikan pandangan yang positif bahawa kewujudan *sport gallery* ini yang pertama di Negeri Pulau Pinang mampu menarik kunjungan anak-anak muda untuk mengenali dengan lebih dekat latar belakang para atlet dan sukan-sukan yang diceburi oleh mereka. Pada masa yang sama, ia juga dapat meningkatkan minat dari segi akar umbi atau pun untuk mencari bakat-bakat atau pun atlet-atlet negeri atau pun negara supaya anak-anak muda kita lebih memahami sejarah dan pencapaian daripada atlet-atlet kita. Bagi memastikan maklumat-maklumat yang dipamerkan dalam Galeri Sukan Negeri Pulau Pinang adalah terkini dan seiring dengan arus perdana, pihak MSNPP mengambil pendekatan untuk mengemaskini maklumat-maklumat dan bahan-bahan pameran setiap enam bulan setiap kali atau berdasarkan kepada rekod dan pencapaian cemerlang terkini yang dimenangi oleh atlet-atlet Negeri Pulau Pinang di persada sukan kebangsaan dan antarabangsa. Buat setakat ini terdapat sebanyak 77 atlet, bahan-bahan dan sejarah yang telah pun dipamerkan dan *number of sports* dengan izin Dato' Speaker terdapat 20 jenis sukan telah pun dipamerkan di Galeri Sukan ini.

Kerajaan Negeri melalui MSNPP turut menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang untuk menarik kehadiran para pelajar sekolah menengah dan rendah mahu pun dari segi *kindergarten*, (dengan izin) Dato' Speaker, tadika untuk mengunjungi Galeri Sukan Negeri Pulau Pinang yang telah dibuka buat julung kalinya di Negeri Pulau Pinang sejak November 2022 yang dirasmi oleh Ketua Menteri kita. Setakat ini, seramai 300 orang pengunjung telah mengunjungi Galeri Sukan ini yang beroperasi pada setiap hari Sabtu dan Ahad dari jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang. Jika sesiapa yang berminat nak buat tempahan awal boleh hubungi kepada MSN atau dengan *booking online* <http://msnpp.penang.gov.my> dari *Monday to Friday* dengan izin Dato' Speaker. Pihak MSNPP juga sedang dalam perancangan untuk mentransformasikan Galeri Sukan ini ke bentuk yang lebih interaktif berkonsepkan mesra *virtual reality* bagi perancangan fasa selanjutnya sebagai langkah memperluaskan perkhidmatan sedia ada dan menarik lebih ramai pengunjung dalam kalangan generasi celik teknologi ini.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Okey. Soalan tambahan terima kasih kepada Bagan Jermal. Soalan tambahan saya adakah galeri sukan tersebut mempamerkan pencapaian dan kerjaya atlet-atlet OKU dan sama ada Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai rancangan seperti bekerjasama dengan organisasi kerajaan atau pun bukan kerajaan untuk sesi interaksi atau *engagement* bersama anak-anak muda dan atlet-atlet di galeri sukan tersebut? Terima kasih

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada soalan tambahan daripada Sungai Pinang. Memang dari segi pameran bahan-bahan pencapaian dan juga nama dan sejarah pencapaian daripada atlet-atlet termasuk juga atlet-atlet daripada orang kurang upaya seperti ada adik Nur Azlia Shafinaz, Atlet Berbasikal Paralimpik Cacat Penglihatan wakil negara dalam sukan Paralimpik Tokyo 2020 pada tahun 2021 telah pun dipamerkan di sana tetapi juga MSN telah pun tengah melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) untuk mendapat lagi maklum balas lanjut daripada segi atlet seperti corelamping, renang paralimpik cacat anggota, zeckile, dizeckile serta juga soalan renang atlet renang yang memenangi banyak pingat emas dan juga banyak kejohanan dari segi sukan orang kurang upaya . Saya rasa satu platform yang bagus supaya kita mempamerkan sejarah-sejarah tentang atlet-atlet yang mewakili negeri kita dan juga negara. Sekian terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Bagan Jermal. Maka Ahli-ahli Yang Berhormat 1 Jam 30 minit untuk soalan lisan telah pun tamat selaras dengan Subperaturan 26 (7) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Dato' Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan-soalan lisan yang dijawab sebentar tadi akan diletakkan diatas meja ahli-ahli yang bertanya dan akan dimasukkan di dalam Penyata Rasmi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum saya beralih ke susunan mesyuarat yang seterusnya saya ingin membuat satu pengumuman yang sepatutnya saya buat permulaan mesyuarat tetapi memandangkan Ketua Pembangkang belum berada di dalam Dewan maka saya buat pengumuman ini sekarang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sebagaimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum Dewan Undangan Negeri telah pun menerima surat daripada Pengerusi Perikatan Nasional Negeri Pulau Pinang yang berkenaan dengan cadangan menamakan ADUN N02 Bertam sebagai Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 16 Februari 2023 yang lalu melalui surat tersebut ADUN N02 Bertam telah pun disokong untuk dipilih sebagai Ketua Pembangkang oleh (5) lima ADUN daripada Parti Perikatan Nasional maka timbul la keraguan posisi Ketua Pembangkang dan saya ingin membuat pengumuman ini berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Perkara 14A (4) berdasarkan perkara ini dan saya sebut "Jika berbangkitnya apa-apa keraguan atau pun pertikaian tentang siapakah yang sedang ataupun telah menjadi Ketua Pembangkang pada bila-bila masa yang matang masalah ini hendaklah diputuskan oleh Speaker, Yang di-Pertua Dewan dan keputusannya yang diperakui secara bertulis dibawah tandatangannya adalah muktamad dan konklusif".

Maka saya nak membuat pengumuman walau bagaimanapun susulan perkembangan terkini yang iaitu Dewan yang mulia ini telah meluluskan usul pengisytiharaan kekosongan empat (4) kerusi yang termasuk N02. Maka keraguan ini tidak timbul lagi dan tambahan dengan sepertimana semua Ahli Yang Berhormat sedia maklum juga penggal bagi DUN Keempat Belas Negeri Pulau Pinang juga akan berakhir apabila Dewan dibubarkan tidak lama lagi dan hari ini juga saya juga merasa ia juga adalah hari terakhir untuk DUN bersidang sebelum pembubaran Dewan maka dengan ini saya mengumumkan bahawa Ketua Pembangkang tidak akan berubah masih dipegang oleh Yang Berhormat Sungai Dua. *Clear* la okey. Kopi secawan. Terima kasih. Setiausaha.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2023.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang 2024) dibacakan pada kali yang pertama.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :

Sila.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Hussain):

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang – Undang Bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Rang Undang-Undang telah dibacakan pada kali yang pertama.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri mengikut Peraturan 59 - Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mencadangkan bacaan kali yang kedua Rang Undang-Undang ini diteruskan dengan serta merta.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2023 bacaan kali yang kedua.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon mencadangkan supaya Rang-Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2024 dibacakan bagi kali yang kedua.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila. Boleh

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh dan salam sejahtera. Salam Malaysia Madani.

Dato Yang di-Pertua,

Sebagai makluman Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2024 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 13 Oktober 2004 dan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2006. Enakmen ini mengandungi 11 bahagian, 124 seksyen dan 2 jadual.

Sejajar dengan perkembangan undang-undang dan perubahan keadaan semasa, terdapat keperluan untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004 bagi melaksanakan kajian semula dasar-dasar sedia ada, cadangan dasar-dasar baru dan penetapan laras bahasa perundangan moden. Dasar-dasar yang berkenaan perlu diterjemahkan ke dalam bentuk perundangan bagi memastikan ia mempunyai kesan undang-undang yang efektif. Dasar-dasar yang berkenaan tidak berupaya dilaksanakan secara pentadbiran melainkan ia memerlukan kuasa perundangan terlebih dahulu.

Dato' Yang di-Pertua,

Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bilangan 5 Tahun 2022 pada 1 Disember 2022 telah meluluskan draf Rang Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) (Pindaan) 2022 yang telah dikemaskini untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Seterusnya Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang bersidang pada 15 Februari 2023 telah meluluskan dan mengesahkan Rang Undang-Undang tersebut pada tarikh yang sama.

Dato' Yang di-Pertua,

Rang Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang 2004 (Pindaan) 2023 akan memberi pertimbangan kepada perkara-perkara baru antaranya perkara-perkara dasar yang akan digugurkan, dasar-dasar yang diperbaharui serta peruntukan undang-undang yang diolah antaranya:

1. Pemansuhan tempoh jawatan selama (3) tiga tahun bagi anggota panel Mahkamah Rayuan Syariah dalam pentadbiran Kehakiman Syariah. Dalam hal ini, Ketua Hakim Syarie boleh menasihatkan Yang di-Pertuan Agong untuk menamatkan perkhidmatan mana-mana

anggota panel yang bermasalah atau mempunyai prestasi yang tidak memuaskan tanpa sebarang sekatan had masa;

2. Pemansuhan syarat pemegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Kadi selama 10 tahun sebagai salah satu syarat kelayakan untuk dilantik sebagai Ketua Hakim Syarie. Secara praktiknya, syarat tersebut adalah sukar dipenuhi dan ia digantikan dengan penetapan syarat pemegang jawatan Hakim Syarie atau Pendaftar atau Pendakwa Syarie atau Pegawai Syariah selama (10) sepuluh tahun atau gabungan mana-mana satu jawatan yang berkenaan. Selain daripada itu, jawatan “Kadi” tidak wujud lagi dalam skim perjawatan sekarang dan ianya berlaku sejak pemisahan institusi antara Mahkamah Syariah dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam;

3. Penambahan anggota lain Majlis Agama Islam Pulau Pinang daripada lapan (8) orang kepada 10 orang di mana sekurang-kurangnya lima (5) daripada mereka hendaklah yang arif dalam Hukum Syarak;

4. Pewujudan jawatan baru Timbalan Setiausaha Majlis tertakluk kepada kesesuaian dan keperluan bagi membantu Setiausaha Majlis sama ada sepanjang ketiadaan Setiausaha Majlis atau ketidak upayaan Setiausaha Majlis untuk menjalankan tugasnya. Walau bagaimanapun, Majlis boleh melantik mana-mana orang untuk menjalankan tugas kesetiausahaan dalam tempoh ketiadaan Setiausaha Majlis atau ketidak upayaan Setiausaha Majlis untuk menjalankan tugasnya;

5. Pewujudan jawatan Timbalan Ketua Pendakwa Syarie bagi membantu Ketua Pendakwa Syarie sama ada sepanjang ketiadaan Ketua Pendakwa Syarie atau ketidakupayaan Ketua Pendakwa Syarie untuk menjalankan tugasnya. Dalam hal ini, tiada keperluan perubahan dari aspek waran perjawatan sedia ada dan perjawatan – perjawatan dikekalkan dengan gred sedia ada;

6. Perwujudan jawatan Timbalan Ketua Pendaftar selain jawatan Ketua Pendaftar di Mahkamah Rayuan Syariah, perwujudan perwujudan jawatan Timbalan-Timbalan Pendaftar selain jawatan Pendaftar di Mahkamah Tinggi Syariah dan perwujudan jawatan Penolong Kanan Pendaftar selain jawatan Penolong-Penolong Pendaftar di Mahkamah Rendah Syariah. Setakat ini, tiada perubahan dari aspek waran perjawatan sedia ada dan perjawatan-perjawatan dikekalkan dengan gred sedia ada;

7. Perwujudan jawatan beberapa orang Penolong Pendaftar Muafak selain daripada Pendaftar Muafak dalam peruntukan undang-undang sedia ada. Setakat ini, tiada keperluan perubahan dari aspek waran perjawatan sedia ada dan perjawatan-perjawatan dikekalkan dengan gred sedia ada;

8. Peluasan bidang kuasa Mal (Sivil) Mahkamah Syariah (MAL) Mahkamah Rendah Syariah untuk mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang amaun atau nilai hal yang dipertikaikan tidak melebihi RM500,000 berbanding tidak melebihi RM100,000 dalam peruntukan undang-undang yang sedia ada;

9. Penetapan syarat dalam Islam sebagai salah satu syarat kelayakan calon untuk diterima masuk sebagai Peguam Syarie. Ini adalah berdasarkan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan vs Victoria Jayaseele Martin (2016) 2 MLJ 309. Selain daripada itu, peruntukan undang-undang sedia ada diolah semula bagi dengan memberi kuasa pilihan kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang sama ada untuk menerima atau menolak calon Peguam Syarie yang telah diterima masuk sebagai seorang Peguam Syarie di mana-mana Negeri di Malaysia;

10. Pengemaskinian prosedur kewangan terkini secara alternatif yang diamalkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dengan memasukkan kaedah Pemindahan Dana Elektronik bagi pembayaran amaun yang melebihi RM500.00.

11. Peluang bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang sebagai pemegang amanah tunggal bagi masjid dan surau berbanding peruntukan undang-undang sedia ada,

yang hanya meliputi masjid sahaja. Peluasan bidang kuasa ini juga, akan membolehkan majlis mempunyai kuasa kawalan terhadap penubuhan dan penyenggaraan surau kuasa kawalan dan pemantauan terhadap jawatankuasa surau, selain daripada jawatankuasa masjid berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada;

12. Pewujudan had hukuman yang jelas terhadap pelanggaran atau ketidakpatuhan mana-mana peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pungutan, pentadbiran dan pembahagian zakat dan fitrah iaitu boleh dihukum dengan denda tidak melebihi RM3,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya; dan

13. Penambahan had penalti bagi kesalahan pungutan wang khairat tanpa kebenaran majlis iaitu denda daripada tidak melebihi RM1,000.00 kepada tidak melebihi RM5,000.00 atau penjara daripada tidak melebihi enam (6) bulan kepada tidak melebihi tiga (3) tahun.

Dato' Yang di-Pertua,

Rang Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang Pindaan 2023 mengandungi aspek-aspek berikut:

- a) sejumlah 27 fasal;
- b) 1 fasal berkenaan tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa;
- c) 25 fasal menyentuh pindaan terhadap peruntukan sedia ada dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2004 iaitu:
 1. Pindaan Seksyen 2 – iaitu penambahan tafsiran mengenai bermastautin, fatwa, Pegawai Syariah, Penolong Pegawai Syariah, Surau, Timbalan Ketua Pegawai Pendakwa Syarie dan Timbalan Setiausaha;
 2. Pindaan Seksyen 9 – iaitu penggantian perkataan Akta Syarikat 1965 dengan perkataan Akta Syarikat 2016;
 3. Pindaan Seksyen 11 – iaitu penambahan anggota Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang lain daripada lapan (8) orang kepada 10 orang;
 4. Pindaan Seksyen 28 – iaitu perwakilan kewajipan atau kuasa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang kepada mana-mana pihak lain yang selain Yang di-Pertua, Setiausaha atau mana-mana jawatankuasa majlis;
 5. Pindaan Seksyen 55 – iaitu penambahan peruntukan mengenai penggunaan meterai Mahkamah Syariah;
 6. Pindaan Seksyen 56 – iaitu pindaan mengenai kriteria pelantikan Ketua Hakim Syarie;
 7. Pindaan Seksyen 57 – iaitu penambahan anggota panel Mahkamah Rayuan Syariah daripada tujuh (7) orang kepada sembilan orang dan pemansuhan tempoh pelantikan anggota panel berkenaan selama tiga (3) tahun;
 8. Pindaan Seksyen 58 – iaitu pindaan mengenai kriteria pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah;
 9. Pindaan Seksyen 59 – iaitu pindaan mengenai kriteria pelantikan Hakim Mahkamah Rendah Syariah;
 10. Pindaan Seksyen 60 – iaitu penambahan jawatan Timbalan Ketua Pendaftaran di Mahkamah Rayuan Syariah, Timbalan-timbalan Pendaftar di Mahkamah Tinggi Syariah dan Penolong Kanan Pendaftar di Mahkamah Rendah Syariah;
 11. Pindaan Seksyen 62 – iaitu pindaan perkataan rukun-rukun kepada ajaran-ajaran dan peluasan bidang kuasa MAL Mahkamah Rendah Syariah daripada amaun tidak melebihi RM100,000.00 kepada amaun tidak melebihi RM500,000.00;

12. Pindaan Seksyen 69 – iaitu pindaan perkataan dibereskan kepada diputuskan;
13. Pindaan Seksyen 77 – iaitu pindaan nama Biro Bantuan Guaman kepada Jabatan Bantuan-bantuan Guaman dan penambahan Ketua Pendakwa Syarie atau wakilnya sebagai anggota Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah;
14. Pindaan Seksyen 78 – iaitu penambahan jawatan Timbalan Ketua Pendakwa Syarie;
15. Pindaan Seksyen 79 – iaitu penggantian perkataan rukun dengan perkataan ajaran;
16. Pindaan Seksyen 80 – iaitu penambahan syarat Islam serta peluasan kriteria kelayakan calon untuk diterima masuk sebagai Peguam Syarie merangkumi mana-mana Pegawai Syariah, mana-mana Pegawai Majlis dan mana-mana orang Islam yang diberikan kebenaran khas oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Itu sahaja tuan? Terima kasih. Perlu sokongan.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Maaf Yang di-Pertua. Ada, ada sambungan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ada lagi.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Ada.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Lain kali kena bagi siapkan sekaligus.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Yang ke-15. Okey, yang ke-16. Ke-17 yang ke-16 tadi ada, ada sambung. Selain daripada itu majlis juga mempunyai pilihan sama ada untuk menerima atau menolak mana-mana calon Peguam Syarie yang telah diterima masuk sebagai Peguam Syarie di mana-mana negeri di Malaysia.

17. Pindaan Seksyen 84 – iaitu pembayaran amaun yang melebihi RM500.00 secara alternatif boleh dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang melalui kaedah Pemindahan Dana Elektronik;
18. Pindaan Seksyen 87 – iaitu perwujudan had hukuman yang jelas terhadap pelanggaran atau ketidakpatuhan mana-mana peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pungutan pentadbiran dan pembahagian zakat dan fitrah iaitu boleh dihukum dengan denda tidak melebihi RM3,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya;
19. Pindaan Seksyen 96 – iaitu Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang menjadi Pemegang Amanah Tunggal bagi semua masjid dan surau dan tanah yang berkaitan

dengannya berbanding peruntukan undang-undang sebelum ini, yang hanya meliputi masjid semata-mata;

20. Pindaan dalam Seksyen 97 – iaitu penambahan surau disamping masjid dalam kawalan masjid dalam kawalan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dari segi penubuhannya;
21. Pindaan Seksyen 98 – iaitu kawalan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang terhadap penggunaan mana-mana bangunan sebagai surau selain daripada masjid dalam peruntukan undang-undang sedia ada;
22. Pindaan Seksyen 99 – iaitu tambahan surau di samping masjid yang dipantau oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang berhubung aspek penyelenggaraannya dan kawasannya;
23. Pindaan Seksyen 100 – iaitu penambahan kuasa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang untuk melantik mana-mana orang Islam yang sesuai daripada kalangan bukan ahli qariah berdasarkan keperluan untuk menjadi pegawai masjid. Dalam hal ini, pegawai masjid telah ditakrifkan dalam Enakmen Ibu (Enakmen 2) iaitu pegawai masjid ertinya Imam, Bilal dan Pembantu Bilal sesuatu masjid;
24. Pindaan Seksyen 106 – iaitu penambahan had penalti bagi kesalahan pungutan wang khairat tanpa kebenaran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang iaitu denda daripada tidak melebihi RM1,000.00 kepada tidak melebihi RM5,000.00 atau penjara daripada tidak melebihi enam bulan kepada tidak melebihi tiga tahun;
25. Pindaan Seksyen 110 – iaitu pewujudan jawatan beberapa orang Penolong Pendaftar Mualaf selain daripada Pendaftar Mualaf dalam peruntukan undang-undang sedia ada.

Dan juga sambungan kepada (c) tadi sebelum ini. (d) satu fasal mewujudkan Seksyen baharu iaitu Seksyen 16A yang baru yang menyentuh pelantikan Timbalan Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Oleh yang demikian, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Hussain):

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2023 sepertimana yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri I tadi.

Saya secara umumnya menyatakan sokongan dan menyambut baik Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) (Pindaan) 2023 ini. Ini kerana Rang Undang-Undang ini, perlu diadakan bagi menggantikan dan mengemaskinikan peruntukan-peruntukan mengenai pentadbiran agama Islam yang terdapat dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004.

Dato' Yang di-Pertua, untuk maklumat Dato' Yang di-Pertua dan seluruh Ahli Dewan, saya setuju sejajar dengan perkembangan undang-undang dan perubahan keadaan semasa terdapat keperluan untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau

Pinang) 2004 bagi melaksanakan kajian semula dasar-dasar sedia ada, cadangan dasar-dasar baru dan penempatan laras bahasa perundangan moden.

Sudah hampir dua (2) dekad dan Dewan ini tidak melihat sebarang pengemaskinian kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan kini adalah satu masa yang paling sesuai dalam membaharukan enakmen ini.

Dato' Yang di-Pertua, yang pertamanya Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam tindakan membentangkan Rang Undang-Undang ini secara langsungnya telah memartabatkan dan memperkasakan undang-undang pentadbiran agama Islam di dalam Negeri Pulau Pinang secara umumnya, dan menyokong penuh terhadap pindaan yang dicadangkan ini dengan ertikata atau pun dengan sebab adalah untuk memperkasakan tentang pengurusan dan juga pentadbiran masjid-masjid dan surau-surau yang terdapat di seluruh Negeri Pulau Pinang. Ini adalah termasuk pelantikan mana-mana orang Islam yang bukan ahli qariah sebagai pegawai masjid oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

Dato' Yang di-Pertua, yang keduanya mengenai penambahbaikan dalam perjawatan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah di mana Ketua Hakim Syariah boleh menasihatkan Yang di-Pertuan Agong untuk menamatkan perkhidmatan mana-mana anggota panel yang bermasalah atau mempunyai prestasi yang tidak memuaskan tanpa sebarang sekatan had masa.

Dato' Yang di-Pertua, yang ketiganya mengenai pucuk pimpinan yang mentadbir Agama Islam Negeri Pulau Pinang di mana selama ini hanya lapan (8) orang Ahli Majlis dan dengan pindaan ini membolehkan majlis mempunyai sehingga 10 orang. Selain itu juga, pewujudan penjawatan Timbalan Setiausaha Majlis juga dilihat sebagai satu keperluan yang mustahak untuk Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang ditadbir secara teratur.

Yang keempatnya, pewujudan penjawatan Timbalan Ketua Pendakwa Syarie, Ketua Pendaftar dan beberapa orang Penolong Pendaftar Mualaf juga dilihat satu perkembangan yang signifikan selari dengan keperluan semasa.

Dato' Yang di-Pertua, akhir sekali seiring dengan perkembangan mutakhir dan untuk memelihara Maqasid Syariah Agama Islam, penempatan Syariat Islam sebagai salah satu syarat kelayakan calon untuk diterima masuk sebagai Peguam Syarie, lebih-lebih lagi apabila ianya selaras dengan keputusan kes Mahkamah Persekutuan yang merupakan mahkamah tertinggi di Malaysia.

Maka dengan itu, saya mohon menyokong Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2023 tahun ini. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Batu Maung. Ahli-ahli Yang Berhormat, maka kita berada dalam sesi perbincangan atas Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) (Pindaan) 2023. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya nak minta siapa yang ingin mengambil bahagian dipersilakan. Ada? Sila.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):

Okey, terima kasih Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya terpanggil untuk membahaskan usul pindaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004. Hampir 19 tahun, 20 tahun enakmen ini tidak dibuat pindaan yang menyeluruh secara luas, secara keseluruhan dan dalam tempoh 19 tahun itu saya rasa banyak perkara-perkara yang perlu dilihat, dikaji dan juga diubah suai, dibuat penambahbaikan dalam erti kata untuk kita

memperkasakan, memperkukuhkan, memantapkan pengurusan dan pentadbiran hal ehwal agama Islam di Negeri Pulau Pinang.

Inilah merupakan satu enakmen Rang Undang-Undang yang akan memastikan bahawa pentadbiran dan juga pengurusan perkara yang berkaitan dengan agama Islam ini dari pelbagai sudut mencakupi semua ruang termasuk sekali masjid, pengurusan, undang-undang, mahkamah syariah dan sebagainya telah dimasukkan. Jadi, ini saya rasa amat perlu dan saya memberi satu penegasan di sini bahawa ianya amat perlu kerana satu, ia dah lama tidak dibuat pindaan atau pun dikemaskinikan, diubahsuai dan sebagainya. 19 tahun, maknanya kalau budak kecil dah dekat nak kahwin dah tetapi tidak dipinda. Kadang-kadang boleh diragui, boleh dipertikaikan jadi ini satu dah lama. Kedua, kita kena buat penambahbaikan dengan keadaan zaman atau pun semasa. Kadang-kadang terma yang kita pakai terma lama, terma yang dah orang tidak pakai dah, zaman la orang dah tak pakai dah so kita kena ubah buat penambahbaikan dari segi itu dan saya mengharapkan supaya tambahan dan juga pindaan ini boleh memperkasakan agama itu sendiri.

Memang dalam Kerajaan Negeri kita hendak memperkasakan agama Islam tetapi kalau dari segi pengurusan dan pentadbiran masih berada di tahap lama, tahap yang saya pernah duduk dengan Dato' Sharif dahulu sebagai Yang di-Pertua Majlis, bukan hanya sekadar kita memperkasakan enakmen pentadbiran, saya harap pihak jabatan juga memperkasakan anggota-anggota yang ada di situ kerana kadang-kadang, dulu lah dulu Dato' Sharif Omar ini dia masuk, saya minta maaf saya sebut nama dia Dato' Sharif pasal saya kerja dengan dia dulu, dia masuk tu kira semua orang Jabatan Agama Islam, Majlis takut sebab dia seorang pentadbir yang hebat, semua dia hendak buat cepat, tindakan hendak segera dan sebagainya kadang-kadang kita kena juga melihat bukan hanya kita memperbaharui pindaan ini tetapi kita juga memperbaharui dari segi *staff* kita, anggota kita di pejabat agama, di jabatan agama, majlis agama dan sebagainya. Kita tidak mahu dah ada undang-undang esok ni *staff* anggota masih di tahap lama, itu yang kita ada pindaan hendak ambil Hakim Syarie macam mana semua itu, semua itu untuk ke arah itu selaras dengan pindaan anggota *staff* juga perlu ada perubahan, perlu ada ilmu, kesedaran, semangat bekerja dengan lebih hebat untuk agama Islam bukan hanya kita hebat dari segi ini saja, saya sokong ini tetapi *staff* kita juga kena lihat dan kita perkasakan dan ini juga saya rasa memberi ruang, kekuatan dan memantapkan pentadbiran jabatan dan Majlis Agama Islam.

Untuk masalah keseluruhan masyarakat Islam di Pulau Pinang kita juga perlu melihat dah ada undang-undang baru ini pindaan ini segala benda yang tertinggal tidak selesai dahulu, selesaikan saya bercakap bab penyebaran agama Islam kepada orang bukan Islam. Kepada orang Islam, enakmen itu, pindaan itu, tidak tahulah *State Penang* buat dak lagi. Dulu Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal kata jawapan dalam peringkat kajian, dalam peringkat hendak buat, negeri lain pakat buat dah kita tak buat lagi jadi, benda-benda ini kena disegerakan bila kita sudah buat pindaan so kita kena memantapkan dan memastikan bahawa orang melihat pentadbiran dan pengurusan hal ehwal berkaitan agama Islam ini terus dipertingkatkan dimartabatkan pentadbiran pengurusan supaya terus kita dapat memartabatkan meningkatkan prestasi dan juga kekuatan agama Islam di Negeri Pulau Pinang. Jadi saya melihat dan mengkaji tadi tengok sekali lalu kita sudah buat secara keseluruhan saya nampak keseluruhan pindaan yang begitu banyak ke arah kita memantapkan memperbaiki meningkatkan prestasi jabatan agama dan juga Majlis Agama di Negeri Pulau Pinang.

Jadi saya menyokong cadangan pindaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Islam perlu terus diperkasakan di Negeri Pulau Pinang. Sekian, *Assalamualaikum*.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua, Yang Berhormat Ahli Kawasan Permatang Pasir, sila.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Lepas ini saya ya, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil) :

Okey, dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Terima kasih dengan keizinan untuk saya terlibat dalam perbahasan satu RUU yang penting iaitu untuk membuat beberapa pindaan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Pindaan 2023. Kita melihat kepada pindaan dalam enakmen ini ia berkisar kepada struktur majlis dan juga perjawatan-perjawatan yang ada dalamnya, ia menunjukkan bahawa ini satu *boost* daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memperkasakan pentadbiran agama Islam dalam Negeri Pulau Pinang.

Dalam kita memperkasakan pentadbiran agama Islam, kita bukan hanya boleh bersandarkan kepada perjawatan dan struktur jabatan ini sahaja tetapi juga dari sudut pemantapan pemikiran dan juga tindakan majlis ini sendiri. Hari ini kita tahu bahawa negara Malaysia sedang bergerak ke arah yang lebih progresif dengan mendasarkan kepada konsep Kerajaan Madani iaitu kerajaan atau pun sebuah masyarakat yang berteraskan kepada ilmu, berteraskan kepada prinsip keadilan, berteraskan kepada prinsip integriti yang sememangnya telah digagaskan oleh junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W. dan justeru itu, Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang berada dalam persekutuan Malaysia ini seharusnya mengorak langkah yang sama untuk sama-sama mengangkat konsep madani ini.

Dalam kita mengangkat konsep ini sudah semestinya pemerksaan struktur jabatan dan juga perjawatan yang dikemaskini yang dinaiktaraf sebegini sangat disanjung dan satu, yang seharusnya dibuat dan dipuji kepada kerajaan Negeri Pulau Pinang dan apa yang hendak saya sebut yang kedua, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri adalah pemikiran rakyat Pulau Pinang ini juga perlu diangkat supaya lebih progresif. Kita hendak lakukan perubahan dalam negara ini, kita mahukan perubahan dalam negeri ini, kita mahukan kemajuan tetapi biarlah kemajuan *material* itu setanding dengan kemajuan pemikiran tetapi untuk kita melakukan kemajuan itu kita perlu ada perubahan, kita perlu ada sikap perubahan kita perlu kepada pemikiran untuk berubah dan pemikiran itu perlu bermula daripada agensi-agensi kerajaan dan Jabatan Agama Islam perlu memainkan peranan yang penting untuk memantapkan dan juga mengubah dan juga memajukan pemikiran orang Melayu terutamanya Islam dalam Negeri Pulau Pinang ini untuk melihat kepada satu konsep perpaduan atau pun sikap toleransi di kalangan masyarakat dalam Pulau Pinang sebagai satu prinsip asas untuk memajukan negeri ini.

Seorang tokoh politik terkenal United Kingdom (UK) menyebut bahawa "*progress is impossible to change and those who cannot change their mind cannot change anything*" jadi kita mahukan kemajuan, kita mahukan pemeatan, kita mahukan pembangunan dalam negeri ini tetapi tidak akan berlaku jika kita tidak mempunyai pemikiran untuk berubah dan apa yang saya hendakkan adalah dengan pemantapan ini kita boleh mengangkat struktur-struktur di perjawatan ini supaya Jabatan Agama Islam ini diperkasakan untuk menanam dan membentuk pemikiran di kalangan rakyat yang mahukan perpaduan.

Kita perlu nyahkan suara-suara yang memecah belahkan masyarakat di Negeri Pulau Pinang ini, kita tahu bahawa ada suara-suara daripada parti pembangkang terutamanya PAS yang sentiasa menggunakan platform agama untuk pecah belahkan masyarakat dan sinilah, inilah tugas Majlis Agama Islam untuk membentuk pemikiran masyarakat madani yang berteraskan kepada konsep perpaduan iaitu integriti dan juga keadilan dan apabila kita melihat kepada tingkah laku PAS selama ini kita sedih kerana mereka membawa cerita-cerita yang buruk, cerita yang negatif terhadap kerajaan Pulau Pinang, di luar sana Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri diuar-uarkan di Pulau Pinang ini tidak boleh azan

kononnya di Pulau Pinang ini Islam terpinggir tetapi apabila kita melihat kepada pindaan RUU ini kita boleh memberikan satu manifestasi kepada di luar sana bahawa kerajaan Negeri Pulau Pinang benar-benar mahu memperkasakan hal ehwal Islam dalam negeri ini. Kita juga melihat kepada peruntukan hal ehwal agama Islam yang saban tahun meningkat dan pada tahun ini sahaja telah meningkat 75.8 juta dan dengan pindaan ini kita mahu rakyat Pulau Pinang terutamanya Penaga menasihatkan ahli-ahli PAS di luar sana bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak pernah meminggirkan Islam dan juga merendahkan martabat Melayu di negeri ini dan tugas ini tanggungjawab ini kita mahu Majlis Agama Islam memainkan peranan yang penting bukan sahaja soal membentuk pemikiran dengan struktur yang baru ini, dengan perjawatan yang dinaiktaraf ini kita mahu ada satu tindakan yang konkrit, tindakan yang lebih *solid*, tindakan yang lebih mampu untuk mengekang tindakan orang-orang yang mempunyai latar belakang agama ini yang mengajar atau pun memberi kuliah atau pun tazkirah tanpa berpandukan kepada perkara-perkara digariskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Saya melihat yang ketiga Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri yang terakhir, saya melihat kepada di Pulau Pinang ini ada sesetengah pembaca khutbah atau pun khatib kita panggil atau pun ustaz-ustaz yang mengajar kuliah atau pun tazkirah tanpa tauliah dan kita mahu dengan pemantapan Jabatan Agama Islam ini tindakan yang lebih konkrit diambil supaya negeri kita ini hidup dalam keadaan disiplin kita tidak menyekat penyebaran agama Islam, kita tidak menyekat dakwah malah kita menganjurkan dan kita mahu meningkatkan lebih banyak sesi dakwah, sesi mengajar agama di dalam Negeri Pulau Pinang tetapi biar kita berdisiplin. Kita melihat kepada Kerajaan Negeri Selangor, kita melihat kepada kerajaan negeri Terengganu telah mengambil tindakan yang lebih positif dengan menghadkan pengajar-pengajar di masjid, di surau ini kepada mereka yang hanya mempunyai tauliah dan kita mahu tindakan yang sama juga diambil di Negeri Pulau Pinang.

Saya memohon kepada YB. EXCO TKM dan juga Jabatan Agama Islam untuk melihat perkara ini merupakan suatu perkara yang penting bukan satu tindakan politik tetapi tindakan dimana kita mahu dasar-dasar kerajaan negeri Pulau Pinang, agenda agama Islam yang dibawa oleh kerajaan negeri Pulau Pinang ini benar-benar diserapkan kepada masyarakat di bawah dengan kita mendisiplinkan mereka yang mengajar hanya kepada mereka yang diberikan tauliah dan yang terakhir saya memohon supaya Jabatan Mufti itu diperkasakan. Kita melihat kadang-kadang memang setiap minggu khutbah-khutbah teks Jumaat, teks khutbah Jumaat ini ditulis oleh Jabatan Mufti tetapi tidak semua masjid-masjid yang memanggil khatib-khatib ini membaca teks yang disediakan oleh Jabatan Mufti. Ini satu yang menyedihkan, kita ada Mufti yang diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Mufti yang diiktiraf oleh Yang di-Pertuan Agong, kenapa tidak digunakan teks-teks khutbah yang ditulis oleh Jabatan Mufti ini sebagai teks khutbah yang dibaca di seluruh masjid Negeri Pulau Pinang.

Jadi saya mahu dan mencadangkan supaya Jabatan Agama Islam mengambil tindakan yang positif yang proaktif supaya khatib-khatib di setiap masjid ini membaca teks khutbah yang disediakan oleh Jabatan Mufti dan tidak membawa teks khutbah sendiri yang akhirnya lari daripada dasar yang sepatutnya dibawa oleh Negeri Pulau Pinang yang penting saya hendak tegaskan sekali lagi bahawa Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang ini perlu diperkasakan bukan saja daripada sudut struktur, dari sudut organisasinya tapi juga dari sudut pemikiran dan pembawaannya untuk memantapkan lagi pemahaman perpaduan, integriti dan keadilan dalam Negeri Pulau Pinang ini dan menyahkan suara-suara negatif provokatif yang membawa kontroversi untuk memecahbelahkan masyarakat sesama Islam di Negeri Pulau Pinang ini dan juga masyarakat hubungan sesama manusia sesama insan Islam dan bukan Islam di Negeri Pulau Pinang ini. Saya mohon menyokong RUU ini. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Ya Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Terima kasih Yang di-Pertua. Saya hendak bangkitkan isu berkenaan dengan pelaksanaan peraturan-peraturan dan Pentadbiran Agama Islam tetapi saya nampak ada sedikit kekurangan *maybe* dalam melaksanakan Seksyen 61. Kalau kita tengok Seksyen 61 saya harap perkara ini penting sebab agama Islam adalah agama yang telah mempertahankan hak wanita dari segi nafkah ekonomi dan kesihatan diri dan keselamatan diri dari 1400 lagi dan kita tengok undang-undang di Negeri Pulau Pinang kita mempunyai Seksyen 61 di mana mahkamah ada kuasa untuk memerintah nafkah bagi seseorang tertentu. Maknanya sekarang ini apa yang saya nampak dalam pelaksanaan hukum. Hukum Faraid memang dilaksanakan secara biasa. Orang awam semua melaksanakan Hukum Faraid. Maknanya selepas berlaku kematian Hukum Faraid dilaksanakan dan banyak harta lebih diberikan kepada orang lelaki tetapi dia ada kenapa lebih diberikan kepada orang lelaki itu disebabkan orang lelaki bertanggungjawab untuk memberi nafkah kepada semua wanita di bawah tanggungjawab dia mengikut susunan dalam syarie. Jadi kalau kita tengok saja Seksyen 61 mahkamah boleh memerintah mana-mana orang yang bertanggungjawab tentang hal itu mengikut hukum syarak memberi nafkah kepada seseorang yang lain di bawah seksyen untuk isteri atau pun wanita lain.

Maknanya kalau suami dia tidak boleh beri nafkah sebab sudah masuk *jail* atau pun *accident* dan tanggungjawab itu akan turun kepada waris-warisan yang lain. Saya faham yang mungkin pihak wanita dia tidak fail permohonan guna Seksyen 61 tetapi saya rasa pihak Jabatan Agama Islam, Majlis Agama Islam perlu menguar-uarkan kepada semua orang lelaki di Negeri Pulau Pinang ini bukan hanya tahu tentang mendapat harta selepas mengikut Hukum Faraid tetapi tanggungjawab yang dia kena lakukan dan juga bagi Jabatan Agama Islam Pulau Pinang dan mahkamah semua untuk menguatkuasakan Seksyen 61 ini. Maknanya jika suami tidak boleh atau pun bapa tidak boleh *deforce the next* waris dan akan memaksa waris itu kalau dia itu bapa saudara dia boleh memaksa *in term of* tolak gaji dia atau pun tolak dari bank akaun. Maknanya tidak ada situasi di Pulau Pinang ini wanita Islam sampai terpaksa *struggle* dia punya *own* sebagai Ibu tunggal, Ibu tunggal sepatutnya benda ini tidak berlaku di Pulau Pinang sebab kita ada Seksyen 61 ini.

Jadi saya hendak mohon supaya pihak Jabatan Agama Islam dalam semua kursus perkahwinan dan dari peringkat sekolah agama lagi tekankan tanggungjawab anak-anak lelaki, bapa-bapa, abang-abang, adik-adik lelaki kepada orang-orang wanita-wanita Islam di dalam keluarganya supaya orang lelaki semua tahu dia akan disoal di akhirat nanti adakah dia membela dan memberikan nafkah kepada wanita-wanita di bawah tanggungannya. Saya harap ada isu-isu yang bila saya tanya kenapa tidak dibuat macam-macam tapi kalau kita pergi ke pejabat Mahkamah Syariah atau Jabatan Agama Islam saya tidak nampak poster-poster menguar-uarkan Seksyen 61 ini dan saya hendak minta kursus-kursus perkahwinan perkara ini diajar kepada semua lelaki di Pulau Pinang supaya tidak ada isu di mana wanita-wanita di Pulau Pinang, wanita-wanita Islam di Pulau Pinang rasa dirinya tidak dibela oleh kerajaan atau pun oleh umat Islam yang lain. Lagi satu *law* yang sama ada ini ada di dalam *civil law* juga sebab *civil law* juga akan menolak gaji dan tolak daripada bank akaun so maknanya saya harap pihak wanita Islam dan juga bukan Islam mendapat pembelaan dari segi rezeki dan nafkah. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Ahli Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir bin Aziz):

“Bacaan doa”. Terima kasih Dato’ Speaker. Saya ingin mengambil kesempatan untuk menyambut baik akan pindaan Enakmen Majlis Agama Islam ini cuma saya ingin

mencadangkan beberapa penambahbaikan supaya Islam di Pulau Pinang ni terus diperkasa melalui surau dan masjid. Apa yang saya ingin nyatakan adalah Majlis Agama Islam perlu lebih berani lagi untuk maju ke hadapan dengan membuat persempadanan semula seperti juga sempadan pilihan raya. Kita lihat masjid-masjid ini masih lagi statik dengan sempadan qaryah. Jadi di kawasan saya ini kawasan di Sungai Ara kawasan yang besar masih ada satu qaryah sahaja iaitu Masjid Al-Huda. Padahal kita telah ada Surau At-Muttaqin yang dinamakan surau Jumaat tapi dalam dalam warta ini saya tidak nampak ada istilah surau Jumaat.

Jadi saya mohon supaya Majlis Agama Islam lebih berani lagi untuk melebarkan atau pun memecahkan sempadan qaryah ini supaya wujud qaryah-qaryah baru. Terutama tempat-tempat baru supaya tidak terbeban institusi masjid tersebut. Jadi saya memohon agar Surau At-Muttaqin ini dijadikan satu qaryah surau yang besar dan kita tidak perlu lagi guna istilah surau Jumaat untuk Surau At-Muttaqin di Pagar Buluh. Begitu juga kita hendak satu peranan yang lebih ke depan lagi yang mana saya menyambut baik peranan surau ini di angkat dikawal selia oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang. Begitu juga di Bayan Lepas sepatutnya kita tidak perlu beribadah dengan suasana yang tidak *comfortable* tidak selesa yang mana masjid kita tahu kita dalam proses untuk naik taraf dan sebagainya tetapi adakah perlu kita menunggu sampai masjid itu siap baru jemaah ini *comfortable*.

Saya lebih suka pendekatan yang kita ambil di mana ketika PKP dahulu kita gunakan surau yang mana ada yang ada kemampuan untuk dijadikan Solat Jumaat kita naik taraf. Kita wujudkan satu lagi qaryah atau pun surau baru untuk yang dinaiktarafkan sebagai berfungsi sebagai masjid. Kita kena bergerak sejajar dengan kepadatan penduduk. Penduduk ini semakin ramai jadi kita minta supaya Majlis Agama Islam mengkaji semula sempadan-sempadan, kawasan-kawasan yang orang yang terlalu ramai ini kecuali kawasan-kawasan kampung penduduk yang tidak ramai. Jadi itu saja syor yang saya cuba bawa. Terima kasih Dato' Speaker.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Terima kasih Ahil-ahli Yang Berhormat. Sesi penggulungan Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) (Pindaan) 2023. Dipersilakan Yang Berhormat Pinang Tunggal untuk buat penggulungan. Sila.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Dato' Yang di-Pertua Dewan, izinkan saya untuk membuat penggulungan terhadap yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Dewan tadi. Pertamanya berhubung dengan kenyataan Sungai Dua. Sememangnya pindaan ini dibuat untuk menambah baik sistem pentadbiran dan pengurusan Hal Ehwal Agama Islam berdasarkan kepada keperluan semasa untuk memperkasakan agama Islam di Negeri Pulau Pinang termasuk melalui pengukuhan jawatan-jawatan yang diwujudkan di dalam pindaan undang-undang yang telah pun dibentangkan tadi. Jadi dari segi keperluan pengalaman kelayakan telah pun diselaraskan mengikut keadaan semasa misalnya jawatan keperluan untuk pengalaman di dalam jawatankuasa Kadi telah pun *delete* telah pun dibuang sebab jawatan itu pun tidak wujud lagi.

Berhubung dengan pengawalan yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Dua. Undang-undang kawalan penyebaran agama lain kepada umat Islam seperti yang telah saya sebutkan dulu kita memang masih membuat kajian terutama sekali melalui kebolehlaksanaan kuasa yang ada pada undang-undang yang lain. Terutama sekali undang-undang sivil, undang-undang yang berkuasa ada di pihak keselamatan, pihak polis dan Mahkamah Syariah yang diberikan kuasa untuk mengendalikan kes-kes tersebut dan mahkamah sivil yang diberi kuasa untuk mengendalikan kes tersebut dan di dalam hal ini ada beberapa insiden yang telah pun diambil tindakan oleh polis.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):

Undang-undang ini kena ada, tidak ada undang-undang tidak boleh ambil tindakan. Polis pun tidak boleh ambil tindakan. Kena ada undang-undang.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Ya, undang-undang sivil ada undang-undang sivil berkaitan dengan..(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):

Enakmen kita itu kena ada.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Di dalam enakmen ini tidak kita sedang di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam ini tidak dimasukkan sebab ini adalah untuk pentadbiran Agama Islam dan orang Islam sahaja. Berhubung kenyataan Permatang Pasir, Gagasan Malaysia Madani ini sememangnya boleh dijalankan atau pun dilaksanakan Gagasan Malaysia Madani dan diadunkan dengan apa yang kita sendiri sedang laksanakan iaitu Gagasan Khaira Ummah 2030 di mana umat Islam di Negeri Pulau Pinang akan didorong dengan pemikiran progresif dan kita percaya Enakmen Pentadbiran Agama Islam yang digubal ini yang pindaan dibuat ini akan dapat memantapkan lagi program-program dan juga agenda-agenda yang sedang kita laksanakan.

Untuk makluman, Gagasan Khaira Ummah dan juga berteraskan apa nama *strategic initiative* atau pun teras-teras yang terdapat di dalam Malaysia Madani umpamanya di dalam program meningkatkan ekonomi Ummah, dan umat Islam akan disemai dengan budaya hormat-menghormati sesama umat Islam dan yang bukan Islam juga di mana kawalan ajaran agama dibuat untuk kita menjaga keharmonian sesama anggota masyarakat.

Berhubung kenyataan Penanti, walaupun Seksyen 61 tidak terlibat di dalam pindaan ini tetapi Mahkamah Syariah boleh lihat sama ada isu-isu berkaitan dengan nafkah yang dibangkitkan boleh dikendalikan berdasarkan bidang kuasa sedia ada atau pun boleh ditambah baik pada masa-masa akan datang atau pun melalui undang-undang subsidiari yang lain yang terdapat di dalam kaedah-kaedah pentadbiran hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam dan berhubung kenyataan Bayan Lepas, kepada Bayan Lepas cadangan penambahbaikan yang diutarakan berkaitan surau, Jumaat dan surau-surau lain akan dilaksanakan melalui kaedah-kaedah sekiranya ada dan keperluan untuk meminda kaedah-kaedah dan pentadbiran akan kita lakukan di sana.

Walau bagaimanapun, penetapan syarat-syarat juga boleh dibuat melalui Seksyen 98 2A yang baru seperti dalam Fasal 23 RUU Rang Undang-Undang ini, jadi kalau dibandingkan dengan enakmen yang lama bidang kuasa MAINPP di dalam pentadbiran surau memang tidak disebut dan sekarang telahpun dimasukkan dan boleh dikuatkuasakan dengan lebih jelas lagi ya, dan kita memang banyak belajar daripada PKP dulu kan di dalam pentadbiran surau-surau dan masjid masjid kita dan kita percayakan PKP COVID-19 telah banyak mengajar kita dan memberi pendekatan baru kepada kita di dalam pentadbiran masjid-masjid dan surau-surau kita, jadi *Insyah-Allah* dengan RUU ini akan memantapkan lagi pentadbiran agama Islam yang dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang ini oleh 10 agensi kita, jadi *Insyah-Allah* dengan kita meluluskan pindaan ini kita dapat melaksanakan agenda-agenda Khaira Ummah 2030 dan juga Malaysia Madani dengan lebih licin dan lebih efektif lagi. Jadi saya ucapkan terima kasih pada semua yang telah memberi saranan yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan tadi saya mohon mencadangkan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Pinang Tunggal. Maka Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) (Pindaan) 2023 dibacakan bagi kali yang kedua.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya”.

Ahli-Ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan “Tidak”, sebulat suara kita terima. Setiausaha Dewan.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang kedua Rang Undang-Undang ini sekarang akan dipertimbangkan dalam jawatankuasa.

Setiausaha Dewan:

Fasal 1 hingga 27.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 1 hingga 27 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-Ahli Dewan:

“Ya”.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tajuk penuh dan Fasal yang menggunakan adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-Ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dewan bersidang semula.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat Yang di Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang Pindaan 2003 telah pun dipertimbangkan se-fasal demi se-fasal dalam jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ke tiga serta diluluskan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) (Pindaan) 2023 dibacakan bagi kali yang ketiga.

Ahli-Ahli yang bersetuju katakan “Ya”.

Ahli-Ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan “Tidak”, sebulat suara kita terima setuju.

Setiausaha Dewan:

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang Pindaan 2023 maka dengan ini adalah diperundangkan oleh kuasa Undangan Negeri Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, maka Rang Undang-Undang telah dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Setiausaha Dewan:

7, Pelantikan Ahli Dewan Negara.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat diminta untuk mengemukakan cadangan nama-nama calon untuk dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri yang baru untuk menggantikan Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying, Senator Dewan Negara (gangguan) yang menggantikan Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying dan Yang Berhormat Puan Fadhlina binti Dato’ Sidek yang telahpun melepaskan keahlian sebagai Ahli Dewan Negara pada 4 November 2022. Mereka dipilih akan berkhidmat selama 3 tahun, nama calon untuk dipilih hendaklah dicadangkan dan disokongkan oleh Ahli Dewan ini dan Ahli yang mencadangkan atau Ahli yang menyokong

hendaklah mengemukakan suatu pernyataan bertulis yang ditandatangani oleh orang yang dinamakan bahawa dia bersetuju untuk berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negara jika dipilih, ada cadangan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mencadangkan Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam dan Encik Amir bin Muhammad Ghazali dipilih sebagai Ahli Dewan Negara bagi mengisi kekosongan Ahli Dewan Negara yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan kenyataan bertulis yang ditandatangani oleh 2 orang yang dinamakan itu sudah pun diserahkan kepada Setiausaha Dewan.

Dato' Yang di Pertua, Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam berumur 36 tahun menamatkan pengajian Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan MBBS pada tahun 2011 dari Universiti Malaya, beliau berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan Siswazah di Hospital Seberang Jaya selama dua (2) tahun dari 2011 hingga 2013. Selepas itu beliau meneruskan perkhidmatan beliau sebagai Pegawai Perubatan di Jabatan Ortopedik Hospital Seberang Jaya selama lima (5) tahun.

Dr. Lingeshwaran kemudian meneruskan pengajian beliau di Taylor's University dan memperolehi Ijazah Sarjana Undang-Undang (Undang-Undang Kesihatan & Perubatan) pada tahun 2018. Beliau dilantik sebagai Ketua Penolong Pengarah Kanan dan Ketua Seksyen Medical Legal, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang. Selepas itu, seterusnya beliau melanjutkan pelajaran di dalam Bidang Pengurusan dan Pentadbiran Kesihatan pada tahun 2022 di University of New South Wales, Australia dan lulus dalam Ijazah Sarjana Pengurusan & Pentadbiran Kesihatan. Sejurus selepas itu Kementerian Kesihatan Malaysia telah melantik beliau sebagai Pengarah Hospital Sungai Bakap pada bulan Ogos, 2022.

Beliau juga merupakan *trained mediator* dan pengerusi Persatuan Shirdi Baba di Butterworth manakala Encik Amir bin Hj. Muhammad Ghazali dilahirkan pada tahun 1972 di Kampung Mengkuang Semarak dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Penanti. Bersekolah di Sekolah Kebangsaan Mengkuang dan Sekolah Menengah Penanti sebelum melanjutkan pelajaran di Universiti Teknologi Malaysia dalam bidang Diploma Pengurusan Perniagaan dan Industri. Seorang ahli peniaga menjawat Pengarah Urusan Amghaz Resources Sdn. Bhd. Beribu pejabat di Bandar Perda Bukit Mertajam. Pada tahun 2009 beliau dipilih sebagai Ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai selama enam (6) penggal mewakili Angkatan Muda Keadilan Pulau Pinang. Beliau memegang beberapa jawatan seperti *Whip Party*, ahli OSC dan juga Ahli Jawatankuasa Pentadbiran dan Kewangan. Pada tahun 2016 Encik Amir dilantik sebagai Setiausaha Politik Timbalan Ketua Menteri I Negeri Pulau Pinang bagi membangun dan menjaga segmen penjaja kecil dan perumahan melayu Pulau Pinang.

Manakala pada tahun 2019 beliau dilantik Setiausaha Kehormat PEMADAM Pulau Pinang sehingga sekarang berperanan mendidik orang ramai mengenai bahaya penggunaan dadah melalui Program Pencegahan Pendidikan dan Penerangan dan pada tahun ini Encik Amir dilantik Setiausaha Politik kepada Puan Nurul Izzah Anwar, beliau juga terlibat secara langsung dalam kebudayaan dan kesenian seperti seni bela diri, silat dan teater. Sejak umur 23 tahun Encik Amir sudah pun menjadi pengamal Seni Silat Cekak Malaysia Cawangan Seberang Perai dan baru-baru ini dilantik sebagai Khalifah Penasihat. Dengan itu, sekian, terima kasih Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Kalau ada cadangan yang lain, okey tak ada. Ahli-ahli Yang Berhormat, ada? Calon Ahli Dewan Undangan Negeri pula. Calon Ahli Dewan Negara yang telah pun dicalonkan ada di dalam Dewan ini. Tak ada. Saya bagi teguran sikitlah. Walaupun bukan kewajiban tapi seelok-eloknya bolehlah datang ke Dewan ini untuk dilihat oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Betul. Terima kasih, walaupun bukan satu kewajiban lah. Okey, tak apalah kita uruskan masalah ini juga.

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang adalah terdapat dua (2) nama yang telah pun dicalonkan sebagai Ahli Dewan Negara yang akan berkhidmat selama tiga (3) tahun iaitu Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam dan Encik Amir bin Hj Md Ghazali untuk dipersetujui di Dewan.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya".

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan "Tidak". Semua sokong untuk setuju. Selesai usul, sudah dipersetujui. Tak mahu setuju, tak ada Ahli Dewan Negara. Sila Setiausaha.

Setiausaha Dewan:

Ucapan penangguhan Yang Amat Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubuk.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Air Putih. Sebelum ucapan penangguhan.

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membentangkan Usul Tanpa Memberitahu di bawah Perkara 34 (viii) atau 8, Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada hari ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Speaker kerana sudi membenarkan saya membentangkan usul berikut. Yang Berhormat Lim Guan Eng mencadangkan Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan terhadap ucapan provokasi yang bersifat menghasut, ekstremis oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor yang meragui kedaulatan Negeri Pulau Pinang. Menegaskan bahawa kedaulatan Negeri Pulau Pinang berasal dan berpunca daripada perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan yang memberikan bentuk nyawa dan kuasa perundangan mutlak kepada Pulau Pinang sebagai sebuah Kerajaan Negeri serupa dengan 13 buah negeri yang mewujudkan Persekutuan Malaysia. Berikrar bersedia menggunakan segala tenaga dan usaha termasuk menggerakkan dan menggerakkan 1.8 juta rakyat Pulau Pinang untuk membela dan mempertahankan kedaulatan Negeri Pulau Pinang daripada dicemuh, diragui

dipertikaikan atau pun dicerobohi oleh Menteri Besar Kedah. Meraikan kesal dengan ucapan Menteri Besar Kedah yang dibuat tanpa provokasi terhadap kedaulatan Negeri Pulau Pinang dan juga mempertikaikan malah menghina keabsahan Perlembagaan Persekutuan secara tidak langsung kuasa mutlak Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melantik Tuan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Mendesak Menteri Besar Kedah menarik balik ucapan beliau dan meminta maaf kepada rakyat Pulau Pinang secara khasnya dan rakyat Malaysia secara amnya kerana tidak bersifat kejiwaan mesra dengan Pulau Pinang dan juga menghina keabsahan Perlembagaan Persekutuan.

Dato' Speaker, sememangnya 1.8 juta rakyat Pulau Pinang amat taat setia kepada negeri dan negara serta bersatu mempertahankan dan menegakkan keluhuran Perlembagaan Persekutuan dan Negeri. Oleh itu ucapan mengapi-apikan sentimen yang ekstremis oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah yang secara terbuka meragui kedaulatan Negeri Pulau Pinang telah menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat Pulau Pinang. Sekiranya ini berlaku ke atas seorang individu, ini serupa meragui kerakyatan Malaysia seorang warganegara.

Dato' Speaker, Menteri Besar Kedah berhak dan bebas menuntut bayaran pajakan tanah yang lebih tinggi daripada Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi beliau tidak harus tanpa provokasi oleh mana-mana pihak, secara mendadak meragui kedaulatan Pulau Pinang. Apa pula kaitan tuntutan bayaran pajak tanah yang lebih tinggi kepada Kedah oleh Kerajaan Persekutuan dengan meragui atau pun mempertikaikan kedaulatan Negeri Pulau Pinang. Kemusykilan tentang keikhlasan Menteri Besar Kedah menuntut bayaran pajakan tanah yang lebih tinggi daripada Kerajaan Persekutuan dipertikaikan bila beliau tidak berani membuat tuntutan yang sama semasa Perikatan Nasional menjadi Kerajaan Persekutuan. Mengapa berani menuntut hanya bila jadi negeri pembangkang.

Sekiranya kita balik ke zaman silam menyatakan Pulau Pinang di bawah naungan Negeri Kedah, mengapa tak sebut Perlis pula. Atau pun dalam sejarah, hampir semua negeri di Semenanjung Malaysia sebenarnya di bawah naungan Kesultanan Melaka. Menteri Besar Kedah harus baca buku Perlembagaan Persekutuan atau pun dapat nasihat daripada pakar perundangan beliau. Ingat Perlembagaan Persekutuan lah, ini lah buku, inilah perlembagaan yang memberikan kuasa kepada Pulau Pinang sebagai negeri berdaulat. Saya amat kesal di sini, bahawa wakil rakyat PAS dan Perikatan Nasional daripada Pulau Pinang gagal bangun dan membela dan mempertahankan Kedaulatan Pulau Pinang. Apabila kedaulatan negeri dipersoalkan kita harus ketepikan kepentingan politik dan berani membela Pulau Pinang. Dengan berdiam diri dalam saat genting ini adakah wakil rakyat PAS dan Perikatan Nasional layak mewakili Pulau Pinang? Tolong bayangkan betapa membimbangkan sekiranya kumpulan pembangkang ini yang nyahkan Perlembagaan Persekutuan dan meragui kedaulatan Pulau Pinang berjaya menawan Kerajaan Pulau Pinang pada Pilihan Raya Negeri pada bulan Julai ini. Nyata sekali mereka tidak layak menjadi Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Yang dikesali ialah pemimpin PAS bukan sahaja mempertahankan kenyataan Menteri Besar Kedah, malah menyatakan dengan begitu angkuh dan bongkak sekali bahawa kedaulatan Pulau Pinang datangnya dari Kedah dan bukan Perlembagaan Persekutuan.

Ini ialah datang dari Ahli Parlimen Pokok Sena. Ini berlawanan dengan Perlembagaan Persekutuan yang mengesahkan kedaulatan Negeri Pulau Pinang dan Perkara 4 dalam Perlembagaan Persekutuan ia menyatakan bahawa Perlembagaan Persekutuan ialah undang-undang yang paling utama di Malaysia. Tidak ada yang lebih tinggi daripada Perlembagaan Persekutuan termasuk Menteri Besar Kedah. Perlu dinoktahkan, perlu dinoktahkan bahawa kedaulatan Pulau Pinang berasal dan berpunca daripada Perlembagaan Persekutuan. Jangan permainan dengan kedaulatan Negeri Pulau Pinang dan keluhuran Perlembagaan Persekutuan. Mari kita hidup bersama termasuk warganegara sama kita dari Kedah. Kita hidup secara harmoni dan saling hormat-menghormati. Mungkar dicegah, hidup berkat. Saya mohon mencadangkan usul ini. Sekian terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Air Putih. Sebelum saya nak memutuskan usul ini beberapa perkara yang ingin saya sebutkan di dalam Dewan ini. Ya. Sepertimana yang dimaklum perkara ini pernah juga dibangkitkan didalam Dewan Parlimen dan masalah telah pun di dengar di Dewan Parlimen. Dan kedua, juga kenyataan media juga dikeluarkan oleh Yang Berhormat Air Putih dan seterusnya juga terdapat laporan polis yang telah pun dibuat untuk membuat siasatan atas isu yang sama. Dan isu ini juga Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Padang Kota pernah juga di dalam Dewan yang mulia ini telah pun menjawab perkara yang berkaitan atas juga perkara yang sama.

Walau bagaimanapun, demi keluhuran dan kedaulatan Perlembagaan Persekutuan dan juga Perlembagaan Negeri Pulau Pinang, saya setuju usul ini dipertimbang dan direkodkan di dalam Dewan yang mulia ini. Akan, belum lagi. Akan tetapi memandangkan ia adalah satu Usul Tanpa Pemberitahuan, maka saya perlu sekurang-kurangnya 10 orang Ahli Dewan untuk berdiri untuk memberi sokongan. Duduk, sila duduk. Terima kasih.

Maka Ahli-ahli Yang Berhormat kita sekarang berada dalam satu sesi perbahasan atas satu Usul Tanpa Pemberitahuan daripada Yang Berhormat Kawasan Air Putih yang telah pun dibacakan dengan jelas dan kita berada dalam sesi perbahasan. Saya nak jemput cuma yang saya jemput sahaja. Penaga, sila.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni bin Mat Piah):

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jangan ganggu.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni bin Mat Piah):

Warga Malaysia. Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil sesi perbahasan bagi Usul Tanpa Pemberitahu oleh Yang Berhormat Air Putih dan usul ini yang berada dimeja saya, saya tengok tadi ketika mana saya masuk. Dan usul ini juga tidak jelas sebagaimana yang disebut di sini ada provokasi yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah atas ucapan beliau. Ucapan itu tidak dimasukkan di mana dan bila ucapan provokasi itu dibuat. Kerana sememangnya seluruh rakyat Malaysia mengetahui apa yang dibangkitkan.

Sebelum itu Dato' Yang di-Pertua, suhu dalam Dewan pada tengah hari ini agak sejuk, tangan saya pun dah kesejukan, cuma dengan usul ini dia mungkin boleh menghangat dan memanaskan Dewan. Sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Bagan di Parlimen dalam Sidang Parlimen dan kita juga mengikuti perbahasan di dalam Parlimen dan hari ini dibawa pula oleh Yang Berhormat Air Putih orang yang sama ke dalam Dewan Undangan Negeri untuk kita bahas dan sememangnya usul ini telah pun diterima tadi untuk pembahasan.

Saya melihat apa yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah adalah berkaitan dengan isu tuntutan bayaran royalti pajakan Pulau Pinang yang sebagaimana kita semua sedia maklum, semenjak daripada tahun 1786 sehinggalah sampai negara kita mencapai kemerdekaan. Bagaimana Pulau Pinang membayar pajakan atau pun royalti pajakan sebanyak 10,000.00 Dolar Sepanyol kepada Kedah dan selepas Merdeka RM10,000.00. Pada tahun 2018 barulah...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Dato' Yang di-Pertua saya nak perbetulkan kenyataan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti biar habis.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Fakta yang salah.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni bin Mat Piah):

Satu minit.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Bukan Pulau Pinang bayar. British bayar selepas itu Kerajaan Persekutuan bayar. Pulau Pinang tak pernah bayar.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni bin Mat Piah):

Bagi pihak Pulau Pinang dan sememangnya Kedah menuntut royalti ini bukan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Hari ini juga Kedah menuntut bayaran lebih royalti pajakan ini kepada Kerajaan Persekutuan, bukan pada Negeri Pulau Pinang. British dan juga Kerajaan Persekutuan membayar bagi pihak Negeri Pulau Pinang yang saya sebut semenjak tahun 1786 hingga negara kita mencapai kemerdekaan 1947, 1957 adalah sebanyak 10,000 dolar Sepanyol dan selepas negara kita mencapai kemerdekaan, dia bayar royalti ini adalah sebanyak RM10,000.00 sehinggalah pada tahun 2018 ketika itu Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri barulah royalti ini dinaikkan kepada RM10 juta. Dengan sebab itu, adakah salah Kedah dan juga rakyat Kedah menuntut tambahan royalti pajakan ini kepada Persekutuan? Adakah salah? Itu hak mereka dan saya melihat bagaimana sokongan rakyat Kedah yang mereka telah menyatakan sokongan padu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah dan sokongan itu didermakan diberikan dalam PRU 15 yang lepas apabila Perikatan Nasional memenangi 14 daripada 15 kerusi Parlimen. Ini yang kita kena lihat, sebab itu bagi saya apa yang telah disebut dan tuntutan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah walaupun beliau tidak ada bersama dengan kita kalau di medan yang lain mungkin lain rentaknya. Dan ini juga sebagaimana yang telah disebut, saya kod sebagai kenyataan media yang telah merekodkan bagaimana Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah telah memaklumkan bahawa beliau juga telah dimaklumkan oleh Sultan Kedah bahawa Baginda sudah beberapa kali menyuarakan hal ini semasa Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu kepada Kerajaan Persekutuan. Baginda juga telah membekalkan dokumen perjanjian berkaitan kepada Kerajaan Persekutuan. Dengan sebab itu, saya kira ini bukan satu ucapan provokasi yang cuba menggugat kedaulatan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB Satees a/l Muniandy):

Peraturan mesyuarat Dato' Yang di-Pertua, Peraturan Mesyurat Perkara 16(46) 15 menyatakan nama "Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, Tuan Yang Terutama Negeri Pulau Pinang, seseorang Duli Yang Maha Mulia, Raja-Raja Negeri Melayu atau pun Tuan Yang Terutama Negeri Melaka" tidak boleh digunakan untuk mempengaruhi Dewan ini. Saya

minta Penaga tarik balik kenyataan berkaitan dengan Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Kedah dan juga Majlis Raja-Raja. Yang cuba mengelirukan Dewan ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dia cuma kod satu kenyataan.

Ahli Kawasan Penaga (YB Mohd. Yusni bin Mat Piah):

Saya kod satu kenyataan akhbar. Kenyataan akhbar yang telah dikeluarkan dan boleh tengok...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB Satees a/l Muniandy):

Kenyataan akhbar, tunjukkan bukti sebab kami tak pernah lihat kenyataan bukti. Ini adalah kenyataan daripada Sanusi bukannya daripada Pejabat Sultan Kedah. So saya minta....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bagan Dalam sudah. Saya nak Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB Mohd. Yusni bin Mat Piah):

Ya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya. Sambung. Habis dah?

Ahli Kawasan Penaga (YB Mohd. Yusni bin Mat Piah):

Nak saya baca kenyataan tu, boleh. Saya sebut ini saya ambil dan saya kod kan. Apa yang telah disebut Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan dia juga telah memaklumkan bahawa beliau sendiri telah dimaklumkan oleh Sultan Kedah, bahawa Baginda sendiri telah beberapa kali menyuarakan hal ini semasa Mesyuarat Majlis Raja-Raja. Sebab itu tidak berbangkit soal kita nak bincang atau pun kita nak soal bagaimana ada suara yang mempertikaikan soal kedaulatan Negeri Pulau Pinang dan sememangnya kita menghormati terutama sekali, terutama sekali Dato' Tun Ahmad Fuzi sebagai Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Sememangnya kita semua sedia maklum, kita menghormati dan tidak berbangkit isu soal kedaulatan Negeri Pulau Pinang. Cuma yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kedah adalah soal tuntutan tambahan royalti pajakan Pulau Pinang yang perlu diberi oleh Kerajaan Persekutuan daripada RM10 juta kepada apa yang disebut RM100 juta. Dato' Yang di-Pertua, saya...(gangguan)

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Penaga. Saya nak jemput Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Terima kasih Yang di-Pertua kerana memberi laluan membahaskan isu tidak berpengetahuan ini oleh Yang Berhormat Air Putih. Jelas tadi daripada apa dimaklumkan oleh rakan saya daripada Penaga bahawa kononnya ini bukan isu kedaulatan, ini isu royalti, tapi kita semua sedia maklum, saya percaya keseluruhan Ahli Dewan dalam Dewan yang mulia ini kita telah mendengar secara *tik tok* atau pun *facebook* ucapan oleh Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Sanusi bin Md Nor yang menyebut tentang kedaulatan Pulau Pinang. Yang mengatakan bahawa Pulau Pinang ini hanyalah pajakan daripada Kedah. Ini bukan soal di mana kita membicarakan soal royalti, kalau berbicara soal royalti ia ada saluran, ia ada mekanisma, ia ada saluran rasmi untuk dituntut. Tapi apabila bicara diluar, seolah membangkitkan satu ucapan provokasi yang berniat untuk mencetuskan kontroversi di antara kedua-dua negeri. Dan ini bukan kali pertama Dato' yang di-Pertua, dua (2) tahun lepas kita masih ingat kita di Pulau Pinang terutamanya Penaga risau tidak mendapat bekalan air daripada Negeri Kedah. Kononnya di belat air, dibelat sungai, nak menghalang Pulau Pinang mendapat bekalan air. Itu juga ucapan yang bersifat kontroversi dan provokasi.

Dan sekali lagi, Menteri Besar yang sama, Menteri Besar tajaan tebuk atap ini cuba membangkitkan ucapan yang bersifat provokasi sebegini. Dan kita fikir, dan kita anggap ianya tidak sesuai, *unbecoming speech* daripada seorang Menteri Besar. Kita berada dalam Malaysia ini, kesemua kita, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri mempunyai satu tanggungjawab hakiki untuk menjunjung Perlembagaan Persekutuan salah satu rukun dalam Rukun Negara. Dan kita semua sedia maklum bahawa dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi negara telah meletakkan Negeri Pulau Pinang, Negeri Kedah itu dua (2) buah negeri, salah satu daripada dua (2) buah negeri yang diiktiraf dalam Persekutuan Malaysia di dalam Artikel 1(3) dan itu jelas menunjukkan bahawa apabila termaktubnya Perlembagaan Persekutuan yang menjadi satu dokumen rasmi sebagai sosial kontrak di antara rakyat dalam Malaysia ini secara konteks antara negeri-negeri dalam Malaysia ini.

Kesemua kita perlu menghormati segala peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan apabila Perkara 1(3) meletakkan bahawa Negeri-Negeri Persekutuan ini terdiri daripada Negeri Tanah Melayu dan juga Sabah dan Sarawak termasuk Pulau Pinang maka tidak timbul lagi soal kedaulatan. Tidak timbul lagi soal pajakan. Kenapa perlu ditimbulkan? Ayat-ayat sebegini, Penaga perlu bersikap jujur. Saya anak Kedah. Penaga juga anak Kedah. Dan ada juga ADUN dalam Dewan ini daripada anak Kedah. Dan juga luar daripada Kedah pun ada juga. Tapi inilah Pulau Pinang, negeri yang cukup berwibawa, yang bertuah, yang boleh meraikan anak-anak daripada luar untuk bermastautin di negeri yang bertuah ini.

Tapi apabila kita menjadi rakyat Pulau Pinang, Penaga, kita perlu menjadi rakyat Pulau Pinang yang bermaruah, yang ada integriti, yang boleh mempertahankan kedaulatan Pulau Pinang. Jangan menjadi seorang rakyat Pulau Pinang, menjadi pengundi di sini, mendapat manfaat yang begitu banyak, mencurah-curah di Negeri Pulau Pinang ini tapi takut untuk mempertahankan kedaulatan Pulau Pinang. Untuk apa kamu takut untuk mempertahankan kedaulatan Pulau Pinang. Sanggup mempertahankan kenyataan provokasi, kontroversi bacul daripada seorang Menteri Besar Kedah. Kenapa?...(gangguan) sebab bacul itu Menteri Besar Kedah, bukan Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni bin Mat Piah):

Boleh minta laluan?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Boleh. Kita sahabat.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni bin Mat Piah):

Terima kasih kepada Permatang Pasir. Sebagaimana saya sebut tadi, memang kalau sekiranya kedaulatan Pulau Pinang ini diganggu gugat, kita semua ADUN-ADUN yang telah dipilih oleh rakyat Pulau Pinang dan saya yakin keseluruhan rakyat Pulau Pinang 1.8 juta sebagai yang direkodkan akan bangkit dan akan bersama-sama untuk mempertahankan kedaulatan negeri yang kita cinta ini. Sebab mana yang disebut tadi oleh Permatang Pasir, kita ini bukan anak kelahiran Pulau Pinang tetapi kita berada di Pulau Pinang dan kita mempertahankan kedaulatan negeri kita. Ramai daripada anak kelahiran negeri-negeri yang lain termasuk Air Putih daripada Johor, kelahiran anak Johor, termasuk Pantai Jerejak daripada Singapura termasuk Padang kota dilahirkan di Wilayah. Kita semua daripada luar tapi apabila kita berada di Negeri Pulau Pinang dan kita adalah ADUN yang telah dipilih, maka kedaulatan negeri ini kita pertahankan dan sekiranya ada ganggu gugat yang cuba untuk mencampuri urusan Negeri Pulau Pinang atau pun cuba mempertikaikan soal kedaulatan negeri kita, maka kita pertahankan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Bercakap tentang jawapan kepada Penaga tadi, saya harap Penaga dapat suarakan ini diluar, ulang balik diluar, dihadapan Menteri Besar sendiri sebagai Pengarah Pilihanraya. *Insha-Allah* kerusi Penaga itu selamat tapi kita perlu jujur dengan pendirian kita...(gangguan). Jangan hanya berbicara di dalam Dewan ini...(gangguan), berbicara diluar dihadapan Menteri Besar (gangguan) katakan kepada dia tentang ketelusan ucapan Penaga tadi...(gangguan). Yang kedua, masa panjang lagi, jika diizinkan...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

No. No.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Last-last chance for us. Itu saya nak. Okey. Yang kedua tentang sejarah, bagaimana sejarah negara ini terbentuk. Kita melalui beberapa siri, pencerobohan atau pun *colonization*, penjajahan oleh pelbagai bangsa yang akhirnya membawa kepada kemerdekaan. Tetapi kemerdekaan di Malaysia ini bermula apabila wujudnya satu Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang ditandatangani pada 31 Januari 1948 oleh Sultan-Sultan atau pun Raja Melayu ketika itu, termasuklah bagi Pulau Pinang oleh pihak British. Dan disitulah berlakunya siri-siri perbincangan *engagement* sehingga pembentukan dan sebagainya sehinggalah terbentuknya Malaysia iatu yang masih Persekutuan Tanah Melayu yang mana akhirnya Merdeka pada 1957 berdasarkan atau bersandarkan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Jadi apa nak saya katakan bahawa kewujudan dan kedaulatan Pulau Pinang dan Kedah ini telah wujud sejak sebelum merdeka. Ditandatangani oleh Raja-Raja Melayu dan seharusnya Menteri Besar Kedah yang dilantik oleh Sultan Kedah menghormati perjanjian ini. Itu disebut sejarah. Kerana sudut prinsip undang-undang Dato' Yang di-Pertua, kita ada satu prinsip undang-undang yang mengatakan bahawa *the latter previous upon the former* Menteri Besar Kedah dan juga seorang Ahli Parlimen Arau saya lihat di perbahasan Parlimen cuba membangkitkan tentang perjanjian-perjanjian lama yang mengatakan bahawa Pulau Pinang ini dipajak dan sebagainya, itu perjanjian lama sedangkan perjanjian Persekutuan

Tanah Melayu 1948 itu ditandatangani selepas perjanjian-perjanjian lama ditandatangani oleh pihak British bersama Sultan Kedah ketika itu. Yang mana yang kita mengatakan bahawa sifat *the latter previous upon the former* itu yang terkemudian mengatasi yang terdahulu iaitu Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Perlembagaan Persekutuan mengatasi segala perjanjian yang terdahulu dan saya mengatakan bahawa cukuplah Menteri Besar Kedah ini bercakap tentang kedaulatan Pulau Pinang. Hormat rakyat Pulau Pinang. Sebab itu saya katakan walaupun saya bukanlah dua warganegara, saya tetap rakyat Pulau Pinang tapi darah Negeri Sembilan itu mengalir.

Itu kita bicara sesi lain tapi darah Kedah yang mengalir dalam diri saya, saya tidak mahu ada persengketaan antara kedua-dua negeri. Kita hari ini berhadapan dengan satu keadaan yang membimbangkan, bukan sahaja dalam negara tapi seluruh dunia dimana berlaku perpecahan dikalangan rakyat, perang atas salah faham agama, atas salah faham perkauman, *islamofobia*, *exnofobia* ini semua perlu dihentikan. Ucapan-ucapan provokasi sebegini, saya bimbang boleh mencetuskan persengketaan di antara orang Pulau Pinang dan orang Kedah. Seolah-olah nak mewujudkan satu sentimen *xenophobia* di kalangan Pulau Pinang dan Kedah. Dan ini yang perlu kita hentikan dan kita mahu, kita mahu Dewan yang mulia ini mengambil satu pendirian supaya Menteri Besar menarik balik dan *put all this nonsense to the end*. Dengan itu saya mohon untuk menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Machang Bubuk. No. Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd. Noor)

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua yang telah memberi ruang kepada saya untuk bahaskan Usul Tanpa Pemberitahuan, usul tergepar yang telah diperdengarkan berkaitan dengan isu provokasi atau pun ucapan yang dibuat oleh Sanusi. Orang yang mempunyai percakapan yang kadang-kadang tak berfikir. Cakap dia kasar, orang Pulau Pinang kasar juga, tapi Kedah ni dia lagi kasar macam tu. Saya pun tak boleh nak dengaq, tak boleh nak dengaq ucapan itu. Tambah orang...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jangan peribadi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):

Saya anak Pulau Pinang. Lahir di Pekan Darat. Lahir di kampung bukan di hospital. Tahun 63, tahun ini 60 tahun. Duduk di Pulau Pinang 60 tahun. Dan saya rasa terpenggil untuk berbahas tentang isu ini sebab berkaitan dengan kedaulatan. Dia ada dua aspek di sini, satu aspek sejarah dan satu sudut kedaulatan Negeri Pulau Pinang dan tiganya sudut ucapan. Ucapan provokasi yang telah diutarakan, yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sanusi. Tentang sejarah, saya rasa benda ini perlu, saya cakap dalam Dewan banyak kali tentang sejarah Pulau Pinang. Setiap negara, setiap negeri ada sejarah dia. Sejarah terdahulu yang saya rasa sejarah ni perlu dikaji, diselidik, dimuktamadkan. Dijadikan satu penulisan, satu bahan supaya semua rakyat Pulau Pinang, Kedah, Johor, Perak ke, tahu sejarah masing-masing. Tahu sejarah negeri kita ini. Dan saya memang terlibat dalam pekajian dan di Pulau Pinang ini NGO banyak yang buat kajian ini. Yang kadang-kadang NGO ni pun saya pening sebab dia buat kajian tak selaraskan, dia tak sama-sama. NGO ni buat macam ni, NGO ni buat macam ni. Ini keputusan macam ni, jadi kadang-kadang kita pening.

Tentang isu dulu Francis Light buka Pulau Pinang, itu pun jadi isu. USM pun buat. So kita kena buat betul-betul kajian ini, saya minta dulu YB. Padang Kota pun setuju dulu. Kalau ada keputusan, kita terima keputusan kajian yang tepat. Jadi ini perlu kita buat supaya pemahaman sejarah ini, jelas kepada semua orang. Kepada semua rakyat, generasi muda khususnya yang perlu tahu sejarah. Masalah sekarang ini, generasi muda tak faham sejarah dan tak minat sejarah. Sejarah itu akan menunjukkan kesan yang akan dibuat di masa akan datang. Kena kaji sejarah, toleh ke belakang sedikit untuk kita pi ke depan. Langsung tak mau tengok belakang. Sejarah macam mana, sejarah Malaysia macam mana. Kita hanya ambil sekerat jalan, "Oh! kedaulatan Pulau Pinang adalah hasil pajakan". Memang kalau ikut sejarah, Pulau Pinang adalah sebahagian Kedah. Sejarah, sejarah. Kedah dulu Siam, Langkasuka. So sejarah, sejarah. Tapi benda macam ni, kalau ikut sejarah kita tengok sejarah macam-macam benda. Yang pentingnya ada sejarah dia, sebab berlaku sedemikian. Mungkin Sultan Kedah, minta maaf kalau tersilap masa itu minta bantuan daripada Inggeris untuk lawan Siam, so dia bagi buat perjanjian untuk Pulau Pinang dan sebagainya. Dan orang Kedah pun ramai datang sini untuk berperang dengan Siam masa itu di Pulau Pinang ni. Itu sebab di Pulau Pinang banyak tempat sama dengan Kedah. Kampung Setol, Alor Merah, Guar Kepayang, Pokok Sena, itu ada kebetulan, mungkin ada kebetulannya.

Dari itu sejarah, itu sejarah. Yang penting sekarang, saya nak tekankan di sini, dari segi perlembagaan kita wujud sebagai sebuah negeri. Kita ada negeri kita, walaupun kita Negeri Selat dahulu. Melaka, *Singapore*, *Penang*, Negeri Selat sebab kita tak ada sultan. Selat ini mungkin bawah jajahan British dululah. Masa British ambil tu, dia ambil *Singapore*, Melaka dan *Penang* sebagai Negeri Selat dia panggil. Itu sejarahnya. Jadi yang saya...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Satu kawasan yang selalu ditinggalkan dalam *Straits Settlements* adalah Dinding di Setiawan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):

Dinding? ya, ya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Nanti professor marah pula.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Itu Setiawan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):

Jadi cuma saya nak masukkan di sini, sejarah perlu kita lihat, perlu kita kaji dan kita kena tengok kebenaran sejarah tersebut. Jangan kita pertikaikan. Jangan jadikan itu sebagai satu benda untuk kita kata, "Oh! Pulau Pinang tidak ada kedaulatan sendiri". Ini satu ayat yang saya tak setuju. Dan saya sokong Usul ini, bukan sokong macam mana, sokonglah supaya tindakan atau pun pihak Menteri Besar Kedah berhati-hati bila bercakap, cakap tu kena pikiaq dulu, pikiaq juga perasaan, pikiaq juga perasaan orang lain. Jangan kita bercakap, kita tak pikiaq perasaan orang yang mendengarnya, orang yang ada di sini. Kadang-kadang cakap bahasa yang kesat dan sebagainya. Ini boleh menimbulkan satu

kesan yang lain. Jadi kalau boleh kita jangan pertikaikan kedaulatan Pulau Pinang. Ini satu benda yang memang dah termaktub dah *Penang* ada kedaulatan, kedaulatan ni adalah kuasa yang tertinggi dan kewibawaan sesebuah negara atau negeri yang bebas serta mempunyai hak untuk melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran. Dah ada pun Pulau Pinang. Pasai apa kita nak pertikaikan. Pasai apa kita nak kata "Oh! pajakan, tidak ada kedaulatan". Kalau ikut ayat itu saya pun nak marah juga. Ayat cakap tu cakap di DUN kan? Di DUN, di Dewan Undangan Negeri Kedah, cakap tu. Jadi tak sepatutnya. So kalau boleh, kita desak juga, saya setuju ni, desak tarik balik atau pun minta maaf kat orang Pulau Pinanglah. Ini yang saya minta sangat.

Saya faham, kita, saya pun faham, saya orang Pulau Pinang, saya faham kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa. Jadi kita tak mau macam tu, so terima kasih banyak, saya setuju dari segi sudut apa provokasi ini, ucapan, bercakap tu, minta ditarik balik atau pun dipertimbangkan dan dari segi sejarah tu, kita jangan pertikaikan sejarah Pulau Pinang ini. Memang di mana-mana juga ada sejarah. Di Pulau Pinang juga memang sejarah macam tu berlaku. Wujud sejarah tu. Jangan kata sejarah saja, memang wujud sebahagian dan sebagainya, bila saya sebut sebahagian, sebut Kedah pun sebahagian Siam. Memang itu sejarahnya. Sekarang kita dah jadi negeri yang berdaulat, yang merdeka dan berdaulat, teruskan, jangan sapa pertikaikan kedaulatan Negeri Pulau Pinang. Sekian, terima kasih banyak-banyak.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Ketua Pembangkang. Saya nak jemput Padang Kota.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya ingin tegaskan di dalam Dewan Undangan Negeri yang mulia ini bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang memandang serius kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Besar Kedah yang mana sekiranya tidak berhati-hati dengan ucapannya, ia boleh mendedahkan beliau kepada kesalahan di bawah Akta Hasutan kerana ia menimbulkan perasaan kurang senang dalam kalangan penduduk kedua-dua negeri.

Malah adalah dimaklumkan bahawa perkara ini kalau Menteri Besar Kedah serius, seserius-seriusnya, boleh bawa perkara ini ke mahkamah sepertimana saya sebut banyak kali dalam Dewan ini. Setiap kali Menteri Besar Kedah mencabar Negeri Pulau Pinang, saya mencabar balik, jumpa di mahkamah. Tetapi tak pernah Kedah ambil tindakan undang-undang terhadap Negeri Pulau Pinang.

Isu ini sama sebab ia bukan semata-mata satu isu terhadap Negeri Pulau Pinang bahkan secara tidak langsung mempersoalkan kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai penjaga kepada negeri-negeri yang tidak beraja. Perkara ini merupakan satu persoalan undang-undang yang serius dan seperti saya katakan tadi, Menteri Besar Kedah dipelawa untuk memperkukuhkan kenyataan beliau dari aspek perundangan di mahkamah iaitu forum yang lebih sesuai bagi membolehkan kedua-dua Kerajaan Negeri diberi peluang untuk menghuraikan kedudukan undang-undang yang lebih jelas berhubung dengan perkara berkaitan. Semata-mata berpandukan kepada sebuah buku yang ditulis oleh Sejarawan *R. Bonney*, di dalam bukunya seperti Ketua Pembangkang kata ada pihak yang suka memetik satu dua perkara dan buat kesimpulannya. Cuma dengan memetik dari buku *The Search for Security And Independence* Kedah 1771 – 1821 adalah tidak wajar digunakan sebagai bukti kukuh bagi merendahkan atau mengatasi Perlembagaan Persekutuan yang telah mengemukakan kedudukan undang-undang berkaitan kedaulatan Negeri Kedah dan juga Negeri Pulau Pinang. Sebaliknya dengan berkuatkuasanya Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1957, satu perundangan yang tidak dapat dinafikan ialah kedudukan Pulau Pinang

sebagai satu negeri yang ada kedaulatannya diperkukuhkan. Perkara ini telah diperlihatkan melalui penggubalan undang-undang di bawah Perlembagaan Persekutuan secara khusus dalam Fasal 2, Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan.

Selain itu, Perkara Perlembagaan Persekutuan yang berhubung dengan status perundangan negeri-negeri yang bernaung di bawah Kerajaan Persekutuan, Perkara 71 yang dibaca bersama Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan juga menjadi contoh yang menggambarkan pengiktirafan undang-undang yang diberikan kepada Pulau Pinang sebagai satu negeri yang ada kedaulatannya tersendiri selepas digugurkan statusnya sebagai Negeri Selat melalui proses kemerdekaan tersebut. Status untuk suatu negeri itu yang turut termasuk Negeri Pulau Pinang, untuk menikmati dan melaksanakan kedaulatannya, sepertimana diperuntukkan dalam Perlembagaan satu negeri itu boleh dilihat dalam Perkara 71 Perlembagaan Persekutuan.

Sebagai tambahan, Perkara 88 Perlembagaan Persekutuan juga secara tidak langsung memberi pengiktirafan kepada negeri yang tidak beraja seperti Negeri Pulau Pinang menguatkuasakan hak dan kedaulatannya seperti negeri-negeri lain bagi maksud Kawalan Ke Atas Tanah Negeri. Sebagai tambahan, melalui perjalanan kuasa-kuasa perlembagaan, berhubung persempadanan yang termaktub di bawah Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan, Akta Kedah dan Pulau Pinang, Pengubahan Sempadan 1985, Akta 325, boleh dijadikan sandaran kukuh berhubung kedaulatan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang mana Akta 325 ini berhubung dengan persetujuan pengubahan sempadan dibuat di antara Negeri Kedah dan Negeri Pulau Pinang dan Akta ini dibuat tertakluk kepada persetujuan Majlis Raja-Raja. Dengan merujuk kepada Seksyen 3 Akta 325, peruntukan tersebut juga jelas memperuntukkan Negeri Kedah hanya mempunyai bidang kuasa ke atas kawasan yang telah diserahkan oleh Negeri Pulau Pinang kepadanya di bawah Akta ini. Oleh itu, kedaulatan negeri masing-masing adalah setakat di kawasan persempadanan yang telah pun dipersetujui antara kedua-dua negeri selaras dengan Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan.

Saya rasa hujahan dari Yang Berhormat Ketua Pembangkang, dari Ahli Permatang Pasir, telah menjelaskan dengan terangnya isu di antara sejarah dengan perundangan moden ini. Jadi tak perlu dipertikaikan, kalau mahu dipertikaikan banyak sejarah boleh dipertikaikan untuk digunakan bagi tujuan masing-masing. Saya lihat ini *much ado about nothing* tetapi Dewan ini memang memandang serius terhadap apa yang disuarakan oleh Menteri Besar Kedah dan Negeri Pulau Pinang akan mempertahankan kedaulatan kita sekiranya dicabar. **(Ahli Dewan menepuk meja).**

Akhir kata, saya akan mengarahkan EXCO Pelancongan untuk memajukan satu tapak pelancongan yang mempunyai banyak sejarah iaitu Batu Sempadan di Kampung Paya Semantol, Pinang Tunggal, SPU dimana didirikan satu batu sempadan mengikut perjanjian British dan Siam 1909 di mana sebelah selatan sungai adalah pada masa itu tanah British, di tebing utara Siam itulah satu legasi yang penting dan mungkin boleh menjadi satu tapak destinasi pelancongan *history* yang dapat kita melihat evolusi sejarah di negara Malaysia ini.

Semua ini menandakan sejarah penjajahan di negara kita yang tidak boleh kita dibanggakan tetapi sejarah tetap sejarah dan hari ini kita menghormati, mempelajari apa daripada sejarah, pengajaran dari sejarah tetapi apa hari ini, kita terpanggil untuk mempertahankan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri yang kita berikrar apabila mengambil duduk di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, rasanya kita berada dalam sesi penggulungan atas Usul Tanpa Pemberitahuan yang telah pun dibawa oleh Yang Berhormat Air Putih dan saya nak mempersilakan Air Putih untuk membuat penggulungan jika ada, sila.

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):

Ya, ringkas saja. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua dan juga kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian membahaskan usul yang penting ini dan sekali lagi menegaskan dan juga menekankan bahawa kedaulatan Pulau Pinang tidak boleh dicabar (**Ahli Dewan menepuk meja**), dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri kerana menegaskan bahawa Kerajaan Negeri berdiri dengan tegas sebulat suara untuk memastikan bahawa mana-mana pihak khususnya daripada Menteri Besar Kedah jangan cuba untuk main-main dengan kedaulatan Negeri Pulau Pinang.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada anak watan setia Negeri Pulau Pinang yang bukan sahaja lahir tetapi hidup lebih 60 tahun macam nampaknya ni masih muda lagi, yang juga sekali lagi menyatakan kesetiaan beliau kepada negeri asalnya bahawa kalau kita nak lihat sejarah itu perkara lain tetapi dari sudut kedaulatan negeri dengan pemerintahan yang ada, dengan pentadbiran yang ada, dengan sistem organisasi yang telah ditubuhkan selama ni termasuk juga kuasa perundangan tidak boleh dipertikaikan sama sekali kedaulatan Negeri Pulau Pinang absah wujud dan sah dalam semua aspek khususnya perundangan.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang kerana bersedia mengetepikan apa-apa perbezaan fahaman dengan menyatakan dengan tegas, dengan menekankan sekali lagi bahawa kalau anda anak Negeri Pulau Pinang yang setia, anda akan berdiri membela dan mempertahankan kedaulatan negeri.

Saya juga rasa kesal bahawa ADUN Penaga masih berdegil cuba mempertahankan sesuatu yang salah, kalau salah bertaubatlah, masih boleh dimaafkan tetapi kalau salah terus berdegil untuk memegang kepada perkara yang salah, saya rasa tidak patut sama sekali. Beliau menyatakan tidak ada bukti bahawa Menteri Besar Kedah menyatakan sedemikian. Saya ada klip video, kalau boleh saya nak tunjuk di sini. Ini klip video daripada Menteri Besar **..(rakaman video dimainkan)**.. Inilah yang saya sebutkan di sini secara hitam putih klip video, sungguh pun saya ulang banyak kali termasuk apa yang dinyatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri minta dia saman, dia tak berani saman sebaliknya lari lintang pukang. Itulah Menteri Besar Kedah, saya bukan nak cakap keraslah tetapi saya nak menasihati Ketua Pembangkang janganlah keras sangat tetapi bila kita sebut dia sentuh tentang kedaulatan Negeri Pulau Pinang pantang kita tak lawan.

Saya nak ingatkan Yang Berhormat daripada Penaga, ingat anda sekarang adalah anak Negeri Pulau Pinang jangan lupa ini. Bahawa sebagai seorang anak Negeri Pulau Pinang juga tugas utama membela Perlembagaan Negeri Pulau Pinang, tidak lain tidak bukan daripada tugas ini kerana saya percaya sebagai anak negeri kita semua ada tanggungjawab dan tugas. Kita tak mau jadi sikito di sini. Saya harap beliau boleh sokong usul sedemikian. Jangan kaitkan dengan perkara yang bukan-bukan khususnya tentang bayaran pajakan seperti yang saya sebut ini perkara lain, nak tuntutan anda berhak dan bebas tuntutan sebaliknya sayalah yang menaikkan kadar daripada RM10,000 kepada RM10 juta untuk Negeri Kedah semasa saya menjadi Menteri Kewangan.

Saya tak harap ada apa-apa perasaan terima kasih itu tak penting, itu hanyalah tugas tapi masa itu kita tak meragui kedaulatan mana-mana negeri, mengapa pula kalau ini yang dituntut tak buat semasa Kerajaan Perikatan Nasional di Putrajaya hanya sekarang bila Kerajaan Perikatan Nasional sudah tidak ada lagi. Saya rasa ini tidak elok nak main politik mainlah, secara waras dan secara munasabah janganlah keterlaluan. Saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih...(gangguan)...sekejap saja.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Minta laluan...sekejap saja saya nak minta laluan tentang pandangan sebab saya pun tak ada diberi peluang untuk menyatakan, saya nak menyatakan satu sahaja nampaknya pemimpin-pemimpin PAS khususnya Sanusi di Kedah dan juga Presiden mereka sendiri suka derhaka kepada kedaulatan atau pun Perlembagan Negara, yang Sanusi dia mencabar Perlembagaan Persekutuan apabila dia cabar kewujudan Pulau Pinang dan kita nampak Presidennya pula mencabar Sultan Terengganu baru-baru ini. Adakah Air Putih bersetuju kalau saya nyatakan Parti PAS ini suka derhaka dan kita ada ADUN yang tidak mahu...gangguan..mempertahankan Pulau Pinang itu soalan saya, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak sangkutlah, yang itu tak sangkut.

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):

Okey, saya akur kepada fakta atau petua daripada Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada pencelahan daripada Yang Berhormat daripada Bagan Dalam tetapi saya hanya ingat, saya ingin hanya tekankan di sini bahawa kita di sini saya harap boleh sebulat suara menyokong usul ini sepertimana yang dikatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri untuk memastikan perkara ini akan sentiasa berada dalam hati dan ingatan rakyat negeri, batu sempadan akan diletakkan supaya tidak ada sebarang kemusykilan atau pun pertikaian dan sekali lagi saya memohon sokongan daripada semua pihak termasuk ADUN Penaga supaya kita sebulat suara mempertahankan dan membela kedaulatan Negeri Pulau Pinang demi satu perpuluhan demi kesejahteraan 1.8 juta rakyat Pulau Pinang. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, maka masalah yang kita hadapi sekarang adalah usul yang telah pun dibawa oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Air Putih untuk dipersetujui oleh Dewan yang mulia ini.

Ahli yang bersetuju katakan "Ya".

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan "Tidak". Saya nak guna istilah diterima sebulat suara, ada bantahan? Tiada bantahan saya nak sebulat suara kita terima. Masih ada urusan, diam.

Setiausaha Dewan:

Ucapan penangguhan Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubuk.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dipersilakan Yang Berhormat Machang Bubuk. 7 minit setengah saja.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Lee Khai Loon):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada semua rakan-rakan sekalian yang telah memberi peluang bagi saya untuk mengucap ucapan penangguhan saya buat kali yang terakhir bagi sesi Sidang DUN kali ini dan kita memang sudah sampai ke penghujung penggal dan DUN akan dibubarkan bila-bila masa sahaja dan mari kita ambil sedikit masa 7 minit ini untuk kita *take stock and also reflect* ke atas apa yang kita capai lima (5) tahun yang lepas.

Sebagai seorang wakil rakyat yang telah diberi amanah oleh rakyat, kita memang perlu bertanggungjawab dan prihatin terhadap kesejahteraan penduduk. Apa yang perlu kita buat termasuk Kerajaan adalah untuk memaksimumkan kebahagiaan masyarakat dan setiap individu di Negeri Pulau Pinang ini. Kita perlu mengenal pasti masalah khasnya punca masalah yang telah kita hadapi semasa kita menjalankan tanggungjawab dan tugas kita dan bukan sekadar mencari punca masalah tetapi kita juga perlu mengemukakan jalan penyelesaian dan bukan sekadar hanya kita mengetahui apa masalah tersebut sahaja.

So apa pengajaran yang kita belajar sepanjang lima (5) tahun ini, saya mendapati kebanyakan kita di sini khasnya apabila kita bertemu dengan masalah, kita kebanyakan kali hanya *firefighting* sahaja kita tidak ada penyelesaian yang holistik dan ada juga kita buat kerja atau sesuatu tindakan semata-mata untuk menunjukkan kita ada buat kerja dan padahal ianya tidak membawa perubahan yang ketara kepada penduduk-penduduk yang terkesan. Isu seperti macam *climate change* yang selalu kita berdepan sekarang. Negeri Johor juga berdepan *disaster* dengan *natural disaster*, kita sibuk dengan menangani isu-isu banjir kilat, tanah runtuh tetapi kita tidak ada *solution* yang holistik untuk kita menangani supaya masalah ini tidak akan berulang lagi. So sebagai seorang *responsible policy makers*, kita sebagai pembuat dasar yang bertanggungjawab, kita bukan kita perlu untuk merancang ke depan dan kebanyakan kita juga tidak masa, kebanyakan masa kita bukan sekadar bersiap siaga dengan krisis yang akan datang tetapi kita hanya sibuk berdepan dan menangani krisis.

Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian, *today complacency could easily leads to tomorrow disaster*. Kerajaan Pakatan Harapan, kita telah memerintah Pulau Pinang selama 15 tahun dan kita tidak boleh hanya terlalu leka dan juga selesa dengan pencapaian yang telah kita buat ini sebab *today uncertainty is a new certainty*.

Kita perlu ada satu sistem penilaian semula secara berterusan ke atas Dasar-Dasar Kerajaan supaya sekurang-kurangnya dasar yang dibuat itu dapat diubah dan juga ditambah baik dengan lebih pro rakyat. Pulau Pinang perlu teruskan perubahan perlu terus *continue leading the change*. Perubahan untuk yang lebih baik lebih bersih lebih hijau dan lebih selamat. Kita perlu sentiasa ingat bahawa musuh-musuh utama kita bukan musuh perkauman bukan agama tetapi musuh kita bersama adalah rasuah dan juga salah guna kuasa. So bagaimana kita perlu memastikan bahawa demokrasi itu berfungsi serta mampu untuk menyelesaikan isu-isu yang dihadapi oleh rakyat sekiranya kita sebagai wakil rakyat tidak bangkit untuk mempertahankan kewibawaan dan juga integriti sistem pentadbiran yang berteraskan demokrasi kepercayaan rakyat ke atas sistem demokrasi akan terhakis. Kerajaan perlu memainkan peranan yang lebih *purposeful* dalam menyelaraskan rakyat, syarikat dan institusi dengan visi inspirasi untuk kebaikan bersama.

Konsep Malaysia Madani yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Kesepuluh Dato' Seri Anwar Ibrahim yang berteraskan (6) Enam Rukun iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ehsan. Ke semua rukun tersebut adalah seperti simbol *north star* yang menjadi inspirasi dan juga harapan kita dalam urus tadbir kerajaan.

Bagi untuk kita mengembalikan keyakinan dan juga mengembalikan negara kita kepada status yang cemerlang. Sebenarnya Malaysia Madani ini merupakan kesinambungan visi masyarakat Madani serta perjuangan reformasi dengan sokongan rakyat serta penubuhan Kerajaan Perpaduan. Kini kerajaan telah diberi mandat untuk membina semula negara kita dengan lebih berdaya saing serta bebas daripada sistemik rasuah. Kerajaan perlu sedar

bahawa satu realiti di mana Malaysia Madani dan juga visi Penang2030 yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ia bukan sekadar slogan sahaja tetapi ia perlu diamalkan dan dilaksanakan di semua peringkat agar nilai-nilai Madani ini dapat menjadi realiti. Kita ada kita dalam saat-saat yang penting ini bukan sekadar untuk rakyat malahan kepimpinan kerajaan untuk menunjukkan kesudian untuk bertindak supaya mampu mengembalikan keyakinan rakyat terhadap urus tadbir serta demokrasi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubok (YB. Lee Khai Loon) :

Cabaran kita...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :

Masa sudah sampai, saya bagi satu ungkap yang...(gangguan).

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Okey. Harapan telah membuktikan bahawa kita mampu menjadi satu kerajaan yang Cepak, Akauntabiliti dan Telus yang berteraskan Penang2030. Ya, walaupun masa depan kita amat mencabar tapi saya percaya rakyat Malaysia khususnya di Negeri Pulau Pinang akan menjadi lebih *resilient* dan kita telah mencipta sejarah pada 2008 dan kita akan terus menerajui perubahan ini dengan membujur lalu melintang patah. Kita akan membawa Pulau Pinang menuju ke tahun 2030 dengan sebuah Negeri Pintar dan Hijau berteraskan Keluarga Inspirasi Negara. Sekian terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Machang Bubuk. Dewan mengambil maklum.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, buat kali yang terakhir penggal ini saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak mahu sokong pun boleh. Tak semua.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan dan usul telah mendapat sokongan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat macam biasa saya ingin mengucapkan terima kasih semua atas kerjasama yang telah pun dibagikan kepada Persidangan Dewan ini dan sebelum akhiri juga saya nak mengucap Selamat Menyambut Hari Wanita Sedunia esok dan juga Selamat Menyambut Bulan Ramadan yang mulia yang akan datang juga.

Maka Dewan ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.20 tengah hari.